



Parti Tindakan Demokratik

PERLEMBAGAAN

Seperti pada 22.10.2019

ISI KANDUNGAN

FASAL I	Nama, Alamat dan Lambang	05
FASAL II	Matlamat-matlamat	05
FASAL III	Keahlian	07
FASAL IV	Syarat-syarat Keahlian	08
FASAL V	Yuran	10
FASAL VI	Perletakan Jawatan sebagai Ahli	11
FASAL VII	Tata tertib	11
FASAL VIII	Kongres Parti	13
FASAL IX	Persidangan Parti	16
FASAL X	Pengurusan Parti	17
FASAL XI	Tugas-tugas Jawatankuasa Tertinggi Pusat	19
FASAL XII	Kuasa-kuasa Jawatankuasa Tertinggi Pusat	20
FASAL XIII	Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian	24
FASAL XIV	Jawatankuasa-jawatankuasa Negeri	24
FASAL XV	Konvensyen Biasa Negeri	29
FASAL XVI	Konvensyen Tahunan Negeri	32
FASAL XVII	Penubuhan dan Pembubaran Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen	33
FASAL XVIII	Mesyuarat Biasa Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen	33
FASAL XIX	Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen	34
FASAL XX	Penubuhan dan Pembubaran Cawangan-cawangan	36
FASAL XXI	Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan-cawangan	38
FASAL XXII	Jawatankuasa Cawangan	39
FASAL XXIII	Tugas Pegawai-pegawai Cawangan	40
FASAL XXIV	Peruntukan-peruntukan Am berhubung dengan Cawangan-cawangan	41
FASAL XXV	Dana dan Akaun-akaun Cawangan	42
FASAL XXVI	Pindaan kepada Perlembagaan	43
FASAL XXVII	Audit	44
FASAL XXVIII	Pemegang Amanah	44
FASAL XXIX	Pembubaran Parti	45
FASAL XXX	Am	45
JADUAL PERTAMA:		
Peraturan-peraturan Tetap Kongres Persidangan		47

Parti Tindakan Demokratik

FASAL I NAMA, ALAMAT DAN LAMBANG

1. Nama Parti ini ialah Parti Tindakan Demokratik Malaysia.
2. Alamat Pejabat berdaftar dan tempat bermesyuarat ialah di Ibu Pejabat Kebangsaan Parti Tindakan Demokratik, Jalan Yew, Off Jalan Pudu, 55100 Kuala Lumpur atau di mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat. Alamat berdaftar Parti tidak boleh ditukar kecuali dengan persetujuan terdahulu daripada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan.
3. Lambang Parti ialah satu bulatan biru berlatarbelakang putih dengan sebuah roket berwarna merah menegak melintangi bulatan biru itu.

FASAL II MATLAMAT-MATLAMAT

Mukadimah:

Perlembagaan Merdeka merupakan satu dokumen sekular yang mendukung prinsip-prinsip demokrasi, kebebasan, kedaulatan undang-undang, dan penghormatan kepada hak-hak asasi manusia serta merangkumi ideal-ideal kebertanggungjawaban, kesaksamaan, keadilan dan pemeliharaan martabat manusia.

Prinsip-prinsip tersebut boleh memacu daya perpaduan dan penyatuan dalam masyarakat majmuk dari segi kepelbagaiannya kaum, agama dan budaya di tanahair kita dan juga di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Berpandukan ideal-ideal tersebut, rakyat Malaysia boleh mengorak langkah ke arah pembangunan demokrasi dan ekonomi yang seiring; kebebasan tanpa penindasan; kesaksamaan peluang diutamakan berbanding kesaksamaan hasil; kedaulatan undang-undang demi keadilan sosial; penjanaankekayaan diiringi pengagihan secara saksama serta kemakmuran ekonomi tanpa gejala rasuah.

Matlamat-matlamat:

1. Menubuhkan konsep demokrasi yang berlandaskan nilai demokrasi sosial di Malaysia menerusi perjuangan sistem parlimen berperlembagaan;

Parti Tindakan Demokratik

2. Mengesahkan lagi dan memulihkan Perlembagaan Malaysia kepada rangka kerja sekular yang asal, iaitu sebagai sistem undang-undang tertinggi negara yang menghormati nilai-nilai demokrasi dan hak asasi manusia dengan memberi hak yang saksama kepada setiap rakyat Malaysia;
3. Memupuk integrasi kebangsaan dengan Sabah dan Sarawak, mengiktiraf hak-hak istimewa kedua-dua negeri tersebut serta memupuk semangat kebangsaan dan perpaduan di antara semua kaum bagi melahirkan identiti bersama rakyat Malaysia yang bersatupadu;
4. Mengiktiraf kebebasan beragama sebagai hak asasi yang merangkumi kebebasan pelbagai agama daripada diancam oleh undang-undang yang bersifat menindas dan akta-akta yang berunsur diskriminasi;
5. Mempertahankan dan menjunjung kedudukan Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan menjamin kewajipan dan hak untuk mempertingkatkan status, memperkembangkan, mempelajari dan menggunakan bahasa-bahasa ibunda yang lain, termasuk Bahasa Cina, Bahasa Tamil, Bahasa Inggeris dan bahasa-bahasa asal;
6. Menjadikan integriti, etika, keprihatinan sebagai nilai-nilai moral yang utama bagi mewujudkan ketelusan dan sebagai pendekatan yang liberal, saling menghormati dan pemahaman di antara tradisi kebudayaan dan kepercayaan agama yang berbeza;
7. Memperkembangkan, mempertahankan dan melindungi kedaulatan dan integriti Malaysia sebagai sebuah negara yang merdeka;
8. Menjadikan ASEAN sebagai komuniti yang berlandaskan pemerintahan baik, demokrasi dan menghormati hak asasi manusia dan juga sebagai rantau yang bebas daripada nuklear, serta aman, bebas dan berkecuali;
9. Memupuk, memperkembangkan serta memperluaskan demokrasi pada semua peringkat, terutamanya memulihkan pilihan raya tempatan, memperkasakan kuasa rakyat dari segi bentuk dan isi kandungannya dan mengambil bahagian dalam proses membuat keputusan berlandaskan prinsip-prinsip kesaksamaan, kebebasan, keadilan dan proses pilihan raya yang bebas dan juga kebebasan akhbar;
10. Memberi peluang yang saksama dan mengagihkankekayaan ekonomi kepada semua rakyat berdasarkan penciptaan nilai-nilai dalam pasaran yang bersaing dan tata ekonomi yang menegaskan penciptaan kekayaan dan pengagihan kekayaan yang saksama;
11. Berjanji untuk mempertingkatkan taraf pendidikan berdasarkan hanya kepada merit dan keperluan, serta memberikan akses penuh dan peluang yang sama kepada pendidikan peringkat awal, peringkat menengah dan peringkat tinggi, terutamanya sektor-sektor teknologi maklumat yang mengutamakan ilmu;

12. Melindungi hak-hak pekerja dan kesatuan sekerja di bawah kerangka hak untuk bekerja, pembayaran gaji yang adil dan berpatutan kepada pekerja dan mempertahankan gaji sebenar mereka demi menjamin kesejahteraan hidup dan taraf kehidupan yang berpatutan kepada semua;
13. Menghapuskan segala bentuk diskriminasi jantina terhadap wanita dalam bidang perkerjaan, pendidikan dan kesihatan;
14. Memperkasakan remaja dengan memberikan mereka pilihan dan peluang untuk berkuasa sementara mempertingkatkan kesedaran mereka terhadap kewajipan dan tanggungjawab;
15. Menegakkan keadilan dan menjaga keamanan semua rakyat dengan menghormati kedaulatan undang-undang, mewujudkan serta menjamin penjiranan dan komuniti yang selamat dan terjamin;
16. Menginstitusikan akauntabiliti dan ketelusan yang bertujuan memerangi rasuah dan penyelewengan dalam pengurusan kewangan, dan juga mewujudkan nilai-nilai integriti dan amanah dalam pentadbiran kerajaan;
17. Mewujudkan perkhidmatan kesihatan awam yang mampu dibiayai oleh semua, mudah dinikmati dan bertanggungjawab yang menjamin keperluan golongan yang sakit, kurang berupaya dan berusia; dan
18. Menghalang kemerosotan dan pemusnahan alam sekitar demi memelihara pusaka warisan semula jadi yang bersih, sihat dan selamat.

FASAL III KEAHLIAN

1. Setiap ahli Parti, setiap pegawai yang menjalankan fungsi-fungsi eksekutif Parti dan setiap penasihat mesti terdiri daripada warganegara Persekutuan.
2. Seseorang warganegara Persekutuan yang berumur tidak kurang daripada 17 tahun yang bersetuju mematuhi syarat-syarat keahlian dan tidak menjadi ahli mana-mana parti politik atau mana-mana anak atau cabang organisasi tersebut yang mempunyai matlamat-matlamat dan dasar-dasar yang bertentangan dengan matlamat-matlamat dan dasar-dasar Parti bolehlah menjadi ahli Parti.
3. Seseorang ahli Parti, apabila menjadi ahli mana-mana parti politik atau badan yang menjadi cabang atau bawahannya, akan berhenti menjadi ahli Parti dengan serta-merta.

FASAL IV

SYARAT-SYARAT KEAHLIAN

1. Setiap ahli Parti mesti taat kepada matlamat Malaysia yang merdeka.
2. Setiap ahli Parti mesti menerima dan mematuhi perlembagaan, program-program, prinsip-prinsip dan dasar-dasar Parti.
3. Permohonan menjadi ahli hendaklah dibuat secara bertulis dalam Borang yang telah ditetapkan kepada Setiausaha Agung Parti bersama-sama jumlah yang ditetapkan sebagai yuran pertama pemohon.
4. Semua permohonan menjadi ahli akan dibentangkan di hadapan Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian seperti yang diperuntukkan dalam FASAL XIII Perlembagaan ini.
5. Tugas Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian adalah menggunakan kuasanya untuk menimbang dengan teliti kesesuaian seseorang pemohon diterima sebagai ahli, dengan mengambil kira matlamat-matlamat Parti.
6. Seseorang pemohon akan diterima sebagai ahli jika majoriti mudah ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian yang hadir dalam mesyuarat Jawatankuasa di mana permohonan keahlian itu dipertimbangkan, mengundi menerima pemohon sebagai ahli.
7. Seseorang tidak akan diterima sebagai ahli:
 - (a) Sekiranya beliau merupakan dan didapati atau diisyiharkan sebagai orang tidak siuman; atau
 - (b) Sekiranya beliau disabit kesalahan yang melibatkan unsur-unsur ketidakjujuran atau keburukan moral oleh mana-mana mahkamah undang-undang.
8. Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian boleh menolak mana-mana permohonan tanpa memberi sebarang alasan.
9. Seseorang pemohon, yang permohonannya ditolak oleh Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian, boleh merayu kepada Jawatankuasa Kerja Pusat. Jawatankuasa Kerja Pusat boleh membatalkan keputusan Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian. Sekiranya Jawatankuasa Kerja Pusat menyokong keputusan Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian, pemohon boleh merayu kepada Jawatankuasa Tertinggi Pusat. Keputusan Jawatankuasa Tertinggi Pusat berhubung perkara ini adalah muktamad. Dalam menolak rayuan itu, Jawatankuasa Kerja Pusat dan Jawatankuasa Tertinggi Pusat tidak perlu memberi sebarang alasan.

10. Apabila diterima menjadi ahli, satu pemberitahu bertulis akan diberi kepada ahli berkenaan, dan beliau akan dibekalkan dengan satu naskah Perlembagaan Parti, lencana Parti dan kad keahliannya.
11. Jika permohonan tidak disertai yuran pertama, permohonan itu akan ditolak oleh Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian.
12. Ahli-ahli Parti yang dipilih oleh Parti sebagai calon dalam pilihanraya pihak berkuasa tempatan, Dewan Undangan Negeri atau Parlimen, dan telah berjaya dalam mana-mana satu pilihanraya, hendaklah berjanji untuk:
 - (a) Mencarum kepada dana Parti sebahagian daripada gaji atau elaun-elaun sebagai ahli pihak berkuasa tempatan, Dewan Undangan Negeri atau Parlimen, di mana jumlah caruman hendaklah ditentukan dari semasa ke semasa oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
 - (b) Mencarum kepada dana Parti sebahagian daripada pencen mereka apabila mereka tidak lagi menjadi ahli pihak berkuasa tempatan, Dewan Undangan Negeri atau Parlimen, jumlah caruman hendaklah ditentukan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat; dan
 - (c) Meletak jawatan dari kerusi-kerusi berkenaan andainya mereka meletak jawatan sebagai ahli Parti atau atas sebab-sebab lain, berhenti menjadi ahli Parti.
13. Perlucutan keahlian
 - (a) Seseorang ahli yang didapati atau didedahkan sebagai seorang yang hilang kelayakan sebagai ahli di bawah Fasal Kecil 7 FASAL ini akan dilucutkan keahliannya oleh Jawatankuasa Kerja Pusat. Bagaimanapun, tidak seorang pun akan dilucutkan keahliannya sehingga satu penyiasatan telah dijalankan untuk menentukan samada beliau bersalah dalam perkara yang mengakibatkan kehilangan kelayakannya sebagai ahli. Untuk tujuan penyiasatan, Jawatankuasa Kerja Pusat akan melantik satu Jawatankuasa Kecil Khas yang terdiri dari tidak kurang daripada tiga ahli, yang akan membuat syor-syor, selepas meneliti bukti-bukti berkenaan dengan perkara itu, kepada Jawatankuasa Kerja Pusat untuk membuat keputusan.
 - (b) Ahli yang berkenaan berhak membuat rayuan kepada Jawatankuasa Tertinggi Pusat. Keputusan Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah muktamad.
 - (c) Seseorang ahli yang telah dikenakan apa-apa tindakan yang diambil menurut Fasal Kecil 13(a) di atas tidak boleh membawa tindakan dalam mana-mana Mahkamah:
 - (i) Untuk menentukan kesahan dari segi undang-undang atau soal kewajaran tindakan atau keputusan yang diambil oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat atau Jawatankuasa Kecil Khas.

Parti Tindakan Demokratik

- (ii) Terhadap Parti atau terhadap Jawatankuasa Tertinggi Pusat atau Jawatankuasa Kecil Khas atau seseorang ahli jawatankuasa-jawatankuasa di atas atas sebab apa-apa tindakan yang berbangkit dari perbicaraan yang dijalankan di bawah Peraturan ini.
- (d) Seseorang ahli:
 - (i) Yang merupakan serta didapati atau diisyihar sebagai orang tidak siuman; atau
 - (ii) Yang diisyihar muflis; atau
 - (iii) Yang disabit kesalahan yang melibatkan unsur-unsur ketidakjujuran atau keburukan moral oleh mana-mana Mahkamah; atau
 - (iv) Yang memulakan prosiding di mana-mana

Mahkamah atas apa jua perkara berhubung Parti tanpa terlebih dahulu menghausi segala saluran-saluran yang sedia ada dalam Parti; akan berhenti menjadi ahli Parti dengan serta-merta.

FASAL V YURAN

1. Parti memperolehi pendapatannya dari yuran tahunan serta derma dari ahli-ahli dan penyokong-penyokong serta dari apa-apa Tabung Amanah yang ditubuhkan di mana matlamat-matlamatnya tidak bercanggah dengan matlamat-matlamat Parti.
2. Yuran tahunan untuk ahli-ahli ialah RM10.00 dan yuran seumur hidup adalah RM200.00, atau sesuatu jumlah yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat dari semasa ke semasa.
3. Semua yuran tahunan, kecuali yuran pertama seseorang ahli baru seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal Kecil 3 FASAL IV hendaklah dibayar dalam bulan pertama setiap tahun kewangan yang bermula pada 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember.
4. Jika seseorang ahli gagal menjelaskan yuran tahunannya melebihi dua tahun, beliau akan berhenti menjadi ahli Parti secara automatik. Bagaimanapun, jika ahli itu memberi penjelasan yang memuaskan kepada Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian dan selepas membayar semua tunggakan yuran, keahliannya boleh dipulihkan atas budi bicara Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian.

5. Yuran khas atau levi untuk tujuan-tujuan tertentu boleh dikutip dari ahli-ahli menerusi ketetapan Kongres Parti. Jika seseorang ahli gagal membayar yuran atau levi seumpama itu dalam tempoh yang ditetapkan, jumlah yang kena dibayar akan dikendalikan dengan cara yang sama seperti tunggakan yuran tahunan.

FASAL VI

PERLETAKAN JAWATAN SEBAGAI AHLI

Seseorang ahli boleh berhenti dari menjadi ahli dengan memberikan notis satu bulan secara bertulis mengenai hasratnya, dengan syarat bahawa seseorang ahli yang memberi notis sedemikian hendaklah menjelaskan yurannya sehingga dan termasuk tahun dalam mana notis itu diberi.

FASAL VII

TATATERTIB

1. (a) Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah menubuhkan sebuah Jawatankuasa Tatatertib (“JT”) untuk menangani soal tatatertib dalam Parti.
(b) Jawatankuasa Tatatertib hendaklah terdiri daripada:
 - (i) seorang Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib (“Pengerusi JT”); dan
 - (ii) tidak kurang daripada 10 orang anggota (dengan had maksimum 20 orang)
(c) Anggota-anggota JT hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat (“JTP”).
(d) Sekiranya Pengerusi JT bukan anggota JTP, maka dia hendaklah dilantik sebagai anggota ex-officio Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang tidak mempunyai hak mengundi.
(e) Tertakluk pada peruntukan berikutnya, setiap prosiding JT hendaklah dihadiri dan dijalankan oleh panel tiga orang anggota JT atau dalam jumlah nombor ganjil yang lebih daripada itu, manakala Pengerusi JT boleh dalam apa-apa keadaan menentukan dan memilih dari senarai ahli jawatankuasa yang dilantik di bawah Fasal Kecil 1(b).

Parti Tindakan Demokratik

- (f) Pengerusi JT atau anggota yang ditentukan oleh beliau untuk mempengerusikan prosiding panel (selepas ini disebut sebagai “Anggota yang Mempengerusikan”) hendaklah mempengerusikan prosiding.
 - (g) Prosiding JT hendaklah diadakan pada tarikh dan tempat yang ditentukan oleh Pengerusi JT atau Anggota Yang Mempengerusikan dari masa ke masa.
 - (h) Pengerusi JT atau, sewaktu ketiadaannya, Anggota yang Mempengerusikan boleh membatalkan atau menangguhkan prosiding JT yang ditetapkan menurut Fasal Kecil (1)(e).
 - (i) Keputusan prosiding hendaklah menurut pendapat majoriti anggota panel yang telah membicarakan kes tatatertib berkenaan.
 - (j) Sekiranya salah seorang anggota panel yang dilantik tidak dapat menghadiri prosiding kerana sakit atau kematian atau apa-apa sebab yang sah, Pengerusi Tatatertib mempunyai kuasa untuk melantik pengganti untuk menganggotai panel.
2. Adalah menjadi tugas Jawatankuasa Tatatertib mengambil apa-apa bentuk tindakan tatatertib terhadap mana-mana ahli, termasuk mengenakan denda, pergantungan atau pemecatan seseorang ahli, jika pada bila-bila masa, Jawatankuasa berpendapat bahawa tindakan harus diambil demi kepentingan Parti. Apa jua keputusan mengenai bentuk tindakan tatatertib, pergantungan atau pemecatan seseorang ahli hendaklah berasaskan majoriti mudah di kalangan ahli-ahli Jawatankuasa dalam mesyuarat. Kuorum bagi Jawatankuasa Tatatertib ialah lebih daripada 50 peratus ahli yang hadir dalam sesuatu mesyuarat.
3. Seseorang ahli yang digantung, dipecat atau dikenakan apa-apa bentuk tindakan tatatertib akan diberitahu secara bertulis dan akan diberi tempoh empat belas hari dari tarikh pemberitahuan untuk membuat rayuan secara bertulis terhadap keputusan Jawatankuasa Tatatertib kepada Jawatankuasa Tertinggi Pusat. Keputusan Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah muktamad.
4. Sebelum seseorang ahli digantung, dipecat atau dikenakan apa-apa bentuk tindakan tatatertib, ahli itu boleh menunjukkan sebab-sebab mengapa beliau tidak patut digantung, dipecat atau dikenakan apa-apa tindakan tatatertib, menurut cara dan dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Tatatertib.
5. Jawatankuasa Tatatertib mempunyai kuasa untuk mengantung mana-mana Jawatankuasa Cawangan atau Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen atau Jawatankuasa Negeri atas tindakan atau kelakuan yang menjelaskan dasar atau kepentingan Parti. Mana-mana Jawatankuasa Cawangan, Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen atau Jawatankuasa Negeri yang telah digantung hendaklah diberitahu secara bertulis dan hendaklah diberi tempoh selama empat

belas hari, mulai dari tarikh pemberitahuan, untuk merayu kepada Jawatankuasa Tertinggi Pusat berhubung keputusan Jawatankuasa Tatatertib. Keputusan Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah muktamad.

FASAL VIII

KONGRES PARTI

1. (a) Kerja Parti adalah di bawah arahan dan kawalan Kongres Parti dan Persidangan Parti.
(b) Kongres Parti hendaklah diadakan sekali dalam setiap tiga tahun (36 bulan) dan disebut sebagai Kongres Kebangsaan Parti, atau pada masa tertentu ia boleh dipanggil bersidang oleh:
 - (i) Jawatankuasa Tertinggi Pusat; atau
 - (ii) atas permintaan sekurang-kurangnya enam puluh peratus Cawangan yang berhak menghantar wakil ke Kongres Parti; atau
 - (iii) atas permintaan sekurang-kurangnya enam puluh peratus Wakil Kongres.
(c) Tanpa mengambil kira peruntukan-peruntukan lain yang terkandung dalam Perlembagaan ini, Jawatankuasa Tertinggi Pusat mempunyai kuasa untuk menangguhkan Kongres Parti, Persidangan Parti, Konvensyen Biasa Negeri dan Persidangan Tahunan Parti sekiranya tarikh untuk mengadakan mesyuarat-mesyuarat itu berada dalam tempoh dua puluh empat (24) bulan dari tarikh Parlimen harus dibubarkan menurut Perkara 55(3) Perlembagaan Persekutuan DENGAN SYARAT dalam keadaan itu, Kongres Parti, Persidangan Parti, Konvensyen Biasa Negeri dan Persidangan Tahunan Parti yang telah ditangguhkan itu (seperti yang berkenaan) mesti diadakan dalam tempoh enam (6) bulan dari Tarikh Pengundian bagi Pilihanraya Umum yang diadakan.
2. Kuorum untuk Kongres Parti adalah sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus jumlah bilangan Wakil yang layak menghadiri Kongres.
3. (a) Setiap Cawangan Parti yang berhak menghantar Wakil ke Kongres Parti berhak kepada perwakilan dalam sesuatu Kongres seperti berikut:
 - 25-50 ahli berbayar – 2 Wakil
 - 51-100 ahli berbayar – tambahan 1 Wakil
 - Lebih 100 ahli berbayar – tambahan 1 Wakil bagi setiap 100 ahli seterusnya.

Parti Tindakan Demokratik

- (b) Semua ahli Parlimen Parti, Ahli Dewan Undangan Negeri Parti dan Ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang sedia ada berhak menghadiri Kongres Parti sebagai Wakil tambahan.
- 4. Kongres Kebangsaan Parti akan diadakan apabila tamatnya tempoh jawatan Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang akan bersara, atau pada bila-bila masa sebelum tamatnya tempoh jawatan Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
- 5. Urusan-urusan Kongres Kebangsaan Parti hendaklah mengikut susunan seperti berikut:
 - (a) Ucapan Aluan oleh Pengerusi Kebangsaan;
 - (b) Ucapan Dasar oleh Setiausaha Agung;
 - (c) Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat dibentangkan oleh Setiausaha Agung;
 - (d) Memilih satu Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang terdiri daripada tiga puluh orang;
 - (e) Meluluskan Minit Persidangan Parti dan/atau Kongres Khas yang terdahulu, mana-mana yang berkenaan dan bersangkutan;
 - (f) Menimbang dan menerima daripada Jawatankuasa Tertinggi Pusat satu Penyata Kira-kira Kewangan yang telah diaudit dengan sempurna dan meliputi tahun/tahun-tahun kewangan yang terdahulu;
 - (g) Menimbang dan menerima Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat;
 - (h) Meluluskan perisyiharan-perisyiharan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat;
 - (i) Menimbang dan menerima cadangan pindaanpindaan Perlembagaan Parti;
 - (j) Meluluskan ketetapan-ketetapan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat;
 - (k) Membuat keputusan atas ketetapan-ketetapan yang dikemukakan kepada Kongres Kebangsaan Parti seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal Kecil 7 FASAL ini;
 - (l) Melantik seorang akauntan berkelayakan atau sebuah firma akauntan berkelayakan sebagai Juruaudit luar Parti sehingga Kongres Kebangsaan Parti yang akan datang;
 - (m) Melantik dua orang ahli Parti sebagai Juruaudit dalaman Parti sehingga Kongres Kebangsaan Parti yang akan datang.
- 6. Sekurang-kurangnya sepuluh minggu sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Kongres Kebangsaan Parti, Setiausaha Agung Parti hendaklah memberitahu secara bertulis semua Setiausaha Cawangan tarikh yang ditetapkan untuk

Kongres Kebangsaan Parti dan menarik perhatian mereka kepada Fasal Kecil 7 dan Fasal Kecil 13 FASAL ini.

7. Cawangan-cawangan yang berhak menghantar Wakil ke Kongres Parti yang berhajat membawa apa-apa ketetapan dalam Kongres Kebangsaan Parti hendaklah memberi notis secara bertulis kepada Setiausaha Agung Parti. Ketetapan-ketetapan itu hendaklah disokong oleh satu cawangan lain yang juga berhak menghantar Wakil dan hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada enam minggu sebelum tarikh Kongres Kebangsaan Parti.
8. Notis pemberitahu Kongres Khas Parti handaklah dihantar kepada semua Cawangan dan Wakil tidak kurang dari tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Kongres Khas Parti dan hendaklah menyatakan perkara atau perkara-perkara yang akan dibincangkan dalam Kongres itu. Sebarang tajuk lain tidak boleh dibincangkan dalam Kongres Khas Parti.
9. Sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum Kongres Kebangsaan Parti atau tujuh hari sebelum Kongres Khas Parti, Setiausaha Agung hendaklah memberitahu semua Wakil dan Cawangan-cawangan yang berhak menghantar Wakil ke Kongres mengenai urusan-urusan yang hendak dijalankan. Dalam kes Kongres Kebangsaan Parti, notis itu hendaklah termasuk satu Penyata Kira-kira Kewangan bagi tahun/tahun-tahun kewangan yang lepas, apa-apa ketetapan yang Cawangan-cawangan berhajat hendak mencadangkan di bawah Fasal Kecil 7 FASAL ini dan satu senarai semua calon yang menerima pencalonan di bawah Fasal Kecil 13 FASAL ini bagi pemilihan ke Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
10. Sebelum diadakan sesuatu Kongres Kebangsaan Parti atau Kongres Khas Parti, Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah melantik ahli-ahli Parti untuk menjadi Yang Di Pertua dan Timbalan Yang Di Pertua Kongres. Timbalan Yang Di Pertua akan menjalankan tugas-tugas Yang Di Pertua semasa ketiadaannya.
11. Kongres Kebangsaan Parti boleh ditangguhkan dari semasa ke semasa sehingga semua urusan Kongres diselesaikan.
12. Ahli-ahli parti yang tidak menjadi Wakil rasmi Cawangan masing-masing boleh menghadiri Kongres Parti tetapi mereka tidak berhak mengundi, dan hanya boleh berucap setelah mendapat keizinan daripada Yang Di Pertua.
13. Setiap Jawatankuasa Cawangan yang berhak menghantar Wakil ke Kongres Parti berhak mencalonkan sehingga tiga puluh orang ahli untuk dipilih ke Jawatankuasa Tertinggi Pusat, dan pencalonan itu hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada enam minggu sebelum tarikh Kongres Kebangsaan Parti.
14. Setiap Wakil akan membuang undi memilih seramai tiga puluh calon ke Jawatankuasa Tertinggi Pusat.

15. Pengendalian keseluruh perjalanan Kongres Kebangsaan Parti hendaklah ditentukan sebagaimana yang tersebut di dalam Jadual Pertama Perlembagaan ini.
16. Kongres Parti mesti mengkhaskan 30% daripada jumlah kerusi JTP untuk ahli wanita yang bertanding di dalam pemilihan bagi menggalakkan penyertaan wanita dalam politik.

FASAL IX

PERSIDANGAN PARTI

1. Persidangan Parti hendaklah diadakan setiap 18 bulan sekali kecuali apabila Persidangan Kongres Kebangsaan Parti diadakan dalam tempoh berkenaan. Dalam keadaan demikian, Persidangan Parti hendaklah diadakan tidak lewat dari 18 bulan selepas Kongres tersebut. Jawatankuasa Tertinggi Pusat mempunyai kuasa untuk menangguhkan Persidangan Parti bagi suatu tempoh yang tidak melebihi enam bulan.
2. Peruntukan dalam Fasal-fasal Kecil 2, 3, 6, 7, 10, 11, 12 dan 15 FASAL VIII hendaklah digunakan secara *mutatis mutandis* untuk semua Persidangan Parti.
3. Urusan-urusan Persidangan Parti hendaklah mengikut susunan seperti berikut:
 - (a) Ucapan aluan oleh Pengerusi Kebangsaan;
 - (b) Ucapan Dasar oleh Setiausaha Agung;
 - (c) Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat dibentangkan oleh Setiausaha Agung;
 - (d) Meluluskan Minit Kongres Kebangsaan Parti/ Kongres Khas yang terdahulu, mana-mana yang berkenaan dan bersangkutan;
 - (e) Menimbang dan menerima daripada Jawatankuasa Tertinggi Pusat satu Penyata Kira-kira Kewangan yang telah diaudit dengan sempurna dan meliputi tahun/tahun-tahun kewangan yang terdahulu;
 - (f) Menimbang dan menerima Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat;
 - (g) Meluluskan perisyiharan-perisyiharan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat;
 - (h) Menimbang dan menerima cadangan-pindaan-perlembagaan Parti;
 - (i) Meluluskan ketetapan-ketetapan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat;

- (j) Membuat keputusan atas ketetapan-ketetapan yang dikemukakan kepada Persidangan Parti seperti yang diperuntukkan di bawah Fasal Kecil 2 FASAL ini.
4. Sekurang-kurangnya sepuluh hari sebelum Persidangan Parti, Setiausaha Agung hendaklah memberitahu semua Wakil dan Cawangan-cawangan yang berhak menghantar Wakil ke Persidangan mengenai urusan-urusan yang hendak dijalankan dalam Persidangan itu. Notis itu hendaklah termasuk satu Penyata Kira-kira Kewangan dan apa-apa ketetapan yang Cawangan-cawangan berhajat hendak mencadangkan di bawah Fasal Kecil 2 FASAL ini.

FASAL X

PENGURUSAN PARTI

1. (a) Kongres Kebangsaan Parti hendaklah memilih Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang terdiri daripada tiga puluh anggota. Anggota-anggota Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah memilih dari kalangan mereka:
- Seorang Pengerusi Kebangsaan
 - Seorang Timbalan Pengerusi Kebangsaan
 - Naib Pengerusi Kebangsaan (dengan had maksimum 5 orang)
 - Seorang Setiausaha Agung
 - Tiga Timbalan Setiausaha Agung
 - Seorang Bendahari Kebangsaan
 - Seorang Penolong Bendahari Kebangsaan
 - Seorang Setiausaha Organisasi Kebangsaan
 - Penolong Setiausaha Organisasi Kebangsaan (dengan had maksimum 2 orang)
 - Seorang Setiausaha Publisiti Kebangsaan
 - Penolong Setiausaha Publisiti Kebangsaan 0(dengan had maksimum 2 orang)
 - Seorang Setiausaha Antarabangsa
 - Seorang Penolong Setiausaha Antarabangsa
 - Seorang Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan
 - Seorang Penolong Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan
- (b) Jawatankuasa Tertinggi Pusat mempunyai kuasa untuk melantik maksimum 10 orang anggota tambahan ke dalam Jawatankuasa Tertinggi Pusat.

Parti Tindakan Demokratik

- (c) Mana-mana Pengerusi Negeri atau Ketua Wanita Kebangsaan atau Ketua DAPSY Kebangsaan atau Pengerusi Jawatankuasa Tatatertib yang tidak terpilih atau dilantik sebagai anggota Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah dijadikan sebagai anggota ex-officio yang tidak mempunyai hak mengundi.
 - (d) Anggota yang dilantik atau anggota ex-officio bersama dengan ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang lain hendaklah memegang jawatan sehingga Kongres Kebangsaan Parti berikutnya.
 - (e) Jawatankuasa Tertinggi Pusat juga boleh melantik sesiapa saja dari kalangan anggotanya untuk berkhidmat dalam biro-biro dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil Parti sebagaimana dan apabila Jawatankuasa Tertinggi Pusat berpendapat ia adalah wajar.
 - (f) Semua pemegang jawatan dalam Jawatankuasa Tertinggi Pusat layak untuk dipilih semula DENGAN SYARAT sebarang pemilihan semula untuk jawatan Setiausaha Agung adalah tertakluk kepada Fasal X 2(b).
 - (g) Kuorum dibentuk oleh lebih dari lima puluh peratus anggota Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang hadir dalam mesyuarat yang diadakan dengan sempurna. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, adalah dinyatakan bahawa ahli-ahli ex-officio yang tidak mempunyai hak mengundi tidak akan dipertimbangkan untuk tujuan menentukan kuorum.
2. (a) Kuasa eksekutif hendaklah terletak kepada Setiausaha Agung.
(b) Setiausaha Agung tidak boleh memegang jawatan itu bagi satu tempoh yang melebihi tiga penggal berturut-turut atau sebaliknya, bagaimanapun tempoh tiga penggal itu tidak termasuk mana-mana tempoh sisihan di mana Setiausaha Agung dipilih untuk mengisi jawatan sementara yang dikosongkan oleh Setiausaha Agung terdahulu, tanpa mengira sebab bagi kekosongan jawatan itu.
 3. Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah membentuk sebuah Jawatankuasa Kerja Pusat yang terdiri daripada Pengerusi Kebangsaan, Timbalan Pengerusi Kebangsaan, dua orang Naib Pengerusi Kebangsaan, Setiausaha Agung, dua orang Timbalan Setiausaha Agung, Bendahari Kebangsaan, Setiausaha Organisasi Kebangsaan, Setiausaha Publisiti Kebangsaan, Setiausaha Antarabangsa dan Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan.
 4. Jawatankuasa Kerja Pusat hendaklah menjalankan segala tugas dan tanggungjawab yang ditugaskan kepadanya oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.

FASAL XI

TUGAS-TUGAS JAWATANKUASA TERTINGGI PUSAT

1. Mengemukakan kepada Kongres Kebangsaan Parti dan Persidangan Parti satu Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat bersama dengan satu Penyata Kira-kira Kewangan yang diaudit dengan sempurna.
2. Mencadangkan kepada Kongres Kebangsaan Parti atau Kongres Khas Parti atau Persidangan Parti pindaan-pindaan kepada Perlembagaan yang difikirkan perlu dan mengemukakan kepada Kongres Kebangsaan Parti atau Kongres Khas Parti atau Persidangan Parti ketetapan-ketetapan dan/atau perisyiharan-perisyiharan yang pada pandangannya adalah diperlukan mengikut iklim politik semasa.
3. Mengelola dan menyelenggara satu Tabung untuk membiayai perbelanjaan pilihanraya, dan sebarkan di kalangan rakyat matlamat dan cita-cita Parti.
4. Menguatkuasakan Perlembagaan Parti untuk memajukan matlamat-matlamatnya dan mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu untuk tujuan itu.
5. Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah menubuhkan Jawatankuasa-jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa-jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen dan Cawangan-cawangan Parti di Malaysia di mana-mana negeri, kawasan Parlimen dan kawasan-kawasan apabila difikirkan sesuai. Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah memimpin dan mengawal kerja Jawatankuasa-jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa-jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen dan Cawangan-cawangan pada setiap masa berpandukan dasar-dasar yang ditetapkan oleh Kongres Parti dan matlamat-matlamat Parti.
6. Memelihara tatatertib Parti dan menggubal kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan mengenai:
 - (a) perlantikan, tugas-tugas, tatatertib, penggantungan atau pemecatan ahli-ahli; dan
 - (b) perjalanan, pembiayaan, pentadbiran, tatatertib dan pembubaran Cawangan-cawangan.
7. Menggubal Peraturan-peraturan Tetap bagi mengawal perjalanan Kongres Kebangsaan Parti, Persidangan Parti, Konvensyen Biasa Negeri, Konvensyen Tahunan Negeri, Mesyuarat Agung Tahunan Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen, Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan dan apa-apa mesyuarat atau Perhimpunan Parti lain pada mana-mana peringkat, jika dan bila perlu.

8. Mengarahkan Setiausaha Agung atau lain-lain pegawai dalam mengendalikan hal ehwal Parti. Jawatankuasa Tertinggi Pusat boleh melantik pengelola-pengelola dan kakitangan yang difikirkan perlu. Ia boleh menggantung atau membuang kerja seseorang pengelola atau kakitangan atas alasan kecuaian dalam tugas, ketidakjujuran, ketidakcekapan, keengganan melaksanakan keputusan-keputusan Jawatankuasa Tertinggi Pusat, atau apa-apa sebab lain yang difikirkan sesuai dan mencukupi demi kepentingan Parti dan mengendalikan pilihanraya Jawatankuasa-jawatankuasa Negeri.
9. Jike timbulnya pertikaian mengenai tafsiran, penyusunan, terjemahan dan maksud semua atau mana-mana Peraturan dalam Perlembagaan ini atau mana-mana perkataan atau perkataan-perkataan yang terkandung dalam mana-mana peraturan itu, maka tafsiran, penyusunan, terjemahan dan maksud yang ditentukan dan ditetapkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah muktamad.

FASAL XII

KUASA-KUASA JAWATANKUASA TERTINGGI

PUSAT

1. Pengerusi Kebangsaan
 - (a) Pengerusi Kebangsaan hendaklah menandatangan-balas semua bil yang diluluskan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
 - (b) Pengerusi Kebangsaan adalah berkuasa memanggil mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pusat dan Jawatankuasa Kerja Pusat.
 - (c) Semua tugas, kuasa dan tanggungjawab Pengerusi Kebangsaan Parti semasa ketidaaan beliau, hendaklah diturunkan kepada Timbalan Pengerusi Kebangsaan atau salah seorang Naib Pengerusi Kebangsaan atau Pemangku Pengerusi Kebangsaan yang dipilih oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
2. Setiausaha Agung
 - (a) Setiausaha Agung hendaklah bertanggungjawab untuk memanggil Kongres Kebangsaan Parti, Persidangan Parti, apa-apa Kongres Khas Parti, semua mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pusat dan Jawatankuasa Kerja Pusat.
 - (b) Beliau hendaklah menguruskan surat mesyuaratnya di bawah arahan Jawatankuasa Tertinggi Pusat dan Jawatankuasa Kerja Pusat dan hendaklah menyimpan satu daftar ahli-ahli.

- (c) Beliau hendaklah memaklumkan semua Jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen dan Cawangan mengenai semua aktiviti penting Jawatankuasa Tertinggi Pusat. Beliau hendaklah menyimpan minit-minit Kongres Parti, Persidangan Parti dan mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pusat dan Jawatankuasa Kerja Pusat.
- 3. Timbalan-timbalan Setiausaha Agung
Timbalan-timbalan Setiausaha Agung hendaklah membantu Setiausaha Agung dalam melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan tanggungjawabnya dan apabila Setiausaha Agung tiada hadir, hendaklah menjalankan tugas-tugas bagi pihaknya.
- 4. Bendahari Kebangsaan
 - (a) Bendahari Kebangsaan hendaklah bertanggungjawab terhadap semua dana Parti dan hendaklah mengeluarkan resit untuk semua pembayaran yang dibuat kepada Parti.
 - (b) Bendahari Kebangsaan hendaklah membuka akaun bank seperti mana yang diarahkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat dan hendaklah menyimpan semua wang yang diterima olehnya bagi pihak Parti ke dalam akaun tersebut.
 - (c) Bendahari Kebangsaan hendaklah bertanggungjawab menyediakan Penyata Kira-kira Kewangan untuk dikemukakan kepada Kongres Kebangsaan Parti dan Persidangan Parti.
 - (d) Penolong Bendahari Kebangsaan hendaklah membantu Bendahari Kebangsaan dalam melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan tanggungjawab-tanggungjawabnya Bendahari Kebangsaan tiada hadir, beliau hendaklah dan apabila menjalankan tugas-tugas bagi pihaknya.
 - (e) Bendahari Kebangsaan boleh memegang wang runcit tidak melebihi Dua Ribu Ringgit pada satu-satu masa dan tidak boleh membuat sesuatu perbelanjaan yang melebihi Seribu Ringgit pada satu-satu masa tanpa mendapat terlebih dahulu kebenaran Jawatankuasa Tertinggi Pusat atau Jawatankuasa Kerja Pusat.
- 5. Setiausaha Organisasi Kebangsaan
 - (a) Setiausaha Organisasi Kebangsaan hendaklah membantu Setiausaha Agung dalam memastikan kesempurnaan fungsi dan organisasi semua Jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen, Cawangan, biro dan jawatankuasa kecil Parti serta dalam penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa-jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen, Cawangan-cawangan, biro-biro dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil baru Parti.
 - (b) Tertakluk kepada arahan Jawatankuasa Tatatertib, beliau hendaklah bertanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa tindakan tatatertib seperti yang diizinkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat dari semasa ke semasa.

Parti Tindakan Demokratik

- (c) Beliau hendaklah menjalankan semua tugas organisasi seperti mana yang diamanahkan kepadanya oleh Setiausaha Agung dari semasa ke semasa.
 - (d) Penolong-penolong Setiausaha Organisasi Kebangsaan hendaklah membantu Setiausaha Organisasi Kebangsaan dalam melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan tanggungjawabnya dan apabila Setiausaha Organisasi Kebangsaan tidak hadir, hendaklah menjalankan tugas-tugas bagi pihaknya.
6. Setiausaha Publisiti Kebangsaan
- Setiausaha Publisiti Kebangsaan hendaklah menyebarkan matlamat-matlamat Parti melalui semua saluran yang ada termasuk penerbitan dan pengedaran jurnal, lidah Parti dan lain-lain. Penolong-penolong Setiausaha Publisiti Kebangsaan hendaklah membantu Setiausaha Publisiti Kebangsaan dalam melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan tanggungjawabnya dan apabila Setiausaha Publisiti Kebangsaan tidak hadir, salah seorang daripadanya hendaklah menjalankan tugas-tugas bagi pihaknya.
7. Setiausaha Antarabangsa
- Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Setiausaha Antarabangsa untuk memupuk semangat setiakawan dengan ahli-ahli Sosialis Antarabangsa dan lain-lain organisasi persaudaraan di seluruh dunia. Beliau hendaklah memaklumkan kepada Jawatankuasa Tertinggi Pusat semua peristiwa penting badan Sosialis Antarabangsa dan organisasi-organisasi persaudaraan. Penolong Setiausaha Antarabangsa hendaklah membantu Setiausaha Antarabangsa dalam melaksanakan tugastugas, kuasa-kuasa dan tanggungjawabnya dan apabila Setiausaha Antarabangsa tidak hadir, hendaklah menjalankan tugas-tugas bagi pihaknya.
8. Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan
- Adalah menjadi tugas dan tanggungjawab Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan untuk mengendalikan kelas-kelas dan kursus-kursus pendidikan politik, dari semasa ke semasa, untuk semua ahli, seperti mana yang diarahkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat. Penolong Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan hendaklah membantu Pengarah Pendidikan Politik Kebangsaan dalam melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan tanggungjawab-tanggungjawabnya dan apabila Pengarah Pendidikan Politik tidak hadir, hendaklah menjalankan tugas-tugas bagi pihaknya.
9. Jawatankuasa Tertinggi Pusat
- (a) Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah berkuasa melantik seseorang ahli untuk memenuhi sesuatu jawatan Kebangsaan kosong dalam Jawatankuasa Tertinggi Pusat sehingga Kongres Parti kemudiannya, mengikut peruntukan yang terkandung dalam Fasal Kecil 1 FASAL X.

- (b) Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah berkuasa melantik biro-biro dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil yang diberikan kuasa untuk mengkoopt. Biro-biro dan jawatankuasa-jawatankuasa kecil itu hendaklah bertanggungjawab kepada Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
 - (c) Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali dalam tiga bulan untuk menyusun hal-ehwal Parti, dan apabila perlu, memeriksa buku kira-kira dan rekod-rekod Parti. Kuorumnya hendaklah mengandungi lebih dari lima puluh peratus ahli-ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang hadir dalam mesyuarat yang diadakan dengan sempurnanya.
 - (d) Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah berkuasa melantik, membayar dan membuang kerja orang-orang yang digajikan oleh Parti.
 - (e) Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah berkuasa melantik seorang penasihat atau penasihat-penasihat Parti yang berwarganegara Persekutuan dan selepas perlantikannya adalah berhak menghadiri dan menyertai semua mesyuarat Parti tetapi tidak berhak untuk mengundi.
 - (f) Pemilihan calon-calon untuk menandingi kerusi-kerusi pihak berkuasa tempatan, Dewan-dewan Undangan Negeri dan Parlimen adalah prerogatif tunggal Jawatankuasa Tertinggi Pusat semata-mata, dan semua keputusan Jawatankuasa Tertinggi Pusat dalam perkara ini adalah muktamad.
 - (g) Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah berkuasa menggubal kaedah-kaedah, peraturan-peraturan dan garis-garis panduan untuk menguatkuaskan peruntukan-peruntukan Perlembagaan ini.
 - (h) Seseorang ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pusat tiga kali berturut-turut tanpa sebab-sebab yang sah akan berhenti menjadi ahli Jawatankuasa Tertinggi Pusat, dan Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah berkuasa melantik mana-mana ahli Parti untuk mengambil tempatnya.
 - (i) Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah berkuasa untuk melantik sebuah Jawatankuasa Usul dan sebuah Jawatankuasa Pindaan Perlembagaan untuk menapis segala usul dan pindaan kepada Perlembagaan Parti yang dikemukakan oleh Cawangan-cawangan untuk pertimbangan dan penerimaan dalam mana-mana Kongres Kebangsaan Parti atau Persidangan Parti atau Kongres Khas Parti.
10. Semua cek hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua orang dari yang berikut:
- Pengerusi Kebangsaan, Setiausaha Agung dan Bendahari Kebangsaan.

FASAL XIII

JAWATANKUASA KECIL TETAP KEAHLIAN

1. Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah melantik satu Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian yang terdiri daripada Setiausaha Organisasi Kebangsaan dan dua lagi anggota Jawatankuasa Tertinggi Pusat. Setiausaha Organisasi Kebangsaan adalah Pengerusi Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian.
2. Lebih dari lima puluh peratus ahli-ahli Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian dalam mesyuarat yang diadakan dengan sempurnanya akan menjadi kuorumnya.
3. Jawatankuasa Kecil Tetap Keahlian hendaklah memeriksa semua permohonan untuk menjadi ahli, dan hendaklah memutuskan mengenai penerimaan atau penolakan setiap permohonan itu.
4. Jawatankuasa Kecil Tetap ini akan mengkaji semula dari semasa ke semasa keahlian Parti yang sedia ada, dan hendaklah membuat syor-syor kepada Jawatankuasa Tertinggi Pusat mengenai penamatan atau penerusan keahlian kesemua ahli Parti, dangan mengambil kira aktiviti kesemua ahli dari segi matlamat-matlamat, prinsip-prinsip dan dasar-dasar Parti.

FASAL XIV

JAWATANKUASA-JAWATANKUASA NEGERI

1. Jawatankuasa Negeri
 - (a) Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah meluluskan penubuhan sebuah Jawatankuasa Negeri untuk setiap Negeri apabila dan bila ia mendapat sesuai.
 - (b) Jawatankuasa Negeri hendaklah terdiri daripada anggota-anggota seperti berikut:
 - (i) Lima belas ahli Parti yang bermastautin di negeri itu yang dipilih oleh wakil-wakil dari cawangan-cawangan dalam negeri itu dalam Konvensyen Biasa Negeri;
 - (ii) Pengerusi Kebangsaan, Setiausaha Agung dan Setiausaha Organisasi Kebangsaan adalah ahli ex-officio semua Jawatankuasa Negeri.

- (iii) Tidak lebih dari lima ahli tambahan dari kalangan ahli-ahli yang bermastautin di negeri itu boleh dilantik oleh Jawatankuasa Negeri dengan persetujuan Jawatankuasa Tertinggi Pusat;
 - (iv) Tidak lebih dari lima ahli yang dilantik oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
 - (v) Ketua Wanita Negeri dan Ketua DAPSY Negeri hendaklah dijadikan sebagai anggota ex-officio yang tidak mempunyai hak mengundi.
- (c) Setiap Jawatankuasa Negeri akan memilih dari kalangan anggotanya:
- Seorang Pengerusi Negeri,
 - Seorang Timbalan Pengerusi Negeri,
 - Dua orang Naib Pengerusi Negeri,
 - Seorang Setiausaha Negeri,
 - Seorang Penolong Setiausaha Negeri,
 - Seorang Bendahari Negeri,
 - Seorang Penolong Bendahari Negeri (jika perlu),
 - Seorang Setiausaha Organisasi Negeri,
 - Sehingga dua orang Penolong Setiausaha Organisasi Negeri,
 - Seorang Setiausaha Publisiti Negeri,
 - Seorang Penolong Setiausaha Publisiti Negeri (jika perlu), dan
 - Seorang Pengarah Pendidikan Politik Negeri.
- (d) Jawatankuasa Negeri hendaklah membentuk satu Jawatankuasa Kerja Negeri yang terdiri daripada Pengerusi Negeri, Timbalan Pengerusi Negeri, kedua-dua Naib Pengerusi Negeri, Setiausaha Negeri, Setiausaha Organisasi Negeri, Setiausaha Publisiti Negeri dan Pengarah Pendidikan Politik Negeri. Jawatankuasa Kerja Negeri hendaklah menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab seperti yang ditugaskan kepadanya oleh Jawatankuasa Negeri. Kuorumnya hendaklah mengandungi lebih daripada lima puluh peratus ahli-ahli Jawatankuasa Kerja Negeri.
- (e) Tertakluk kepada Fasal Kecil 8 FASAL XXX, Jawatankuasa Negeri hendaklah memegang jawatan untuk tempoh tidak melebihi tiga tahun.
- (f) Pengerusi Negeri hendaklah memegang jawatan untuk tempoh keseluruhan yang tidak melebihi tiga penggal sama ada secara berturut-turut atau tidak berturut-turut di sesebuah Negeri.
2. Tugas-tugas pegawai-pegawai dalam Jawatankuasa Negeri:
- (a) Jawatankuasa Negeri hendaklah bermesyuarat sekurang-sekurangnya sekali dalam dua bulan dan minit-minit mesyuarat itu hendaklah dihantar

kepada Setiausaha Agung dalam tempoh tujuh hari dari tarikh mesyuarat. Kuorum mesyuarat hendaklah mengandungi lebih daripada lima puluh peratus keanggotaan Jawatankuasa Negeri. Notis berkenaan tarikh, masa dan tempat serta agenda bagi mesyuarat Jawatankuasa Negeri hendaklah dihantar kepada semua ahli Jawatankuasa Negeri tidak kurang dari tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat tersebut.

- (b) Pengerusi Negeri hendaklah dalam tempoh jawatannya mempengaruhi semua mesyuarat Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Kerja Negeri dan bertanggungjawab atas perjalanan sempurna mesyuarat itu. Beliau berhak memanggil mesyuarat Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Kerja Negeri.
- (c) Semua tugas, kuasa dan tanggungjawab Pengerusi Negeri apabila beliau tidak hadir hendaklah diperturunkan kepada Timbalan Pengerusi Negeri atau salah seorang Naib Pengerusi Negeri.
- (d) Setiausaha Negeri hendaklah manjelaskan urusan Jawatankuasa Negeri mengikut peraturan-peraturan Parti dan arahan-arahan Jawatankuasa Tertinggi Pusat dan Jawatankuasa Kerja Pusat. Beliau hendaklah juga melaksanakan arahan-arahan Jawatankuasa Negeri. Beliau bertanggungjawab menguruskan surat menyurat dan menyimpan satu daftar ahli-ahli dalam negeri, buku-buku, dokumen-dokumen dan kertas-kertas, kecuali akaun dan rekod kewangan. Beliau hendaklah menghadiri semua mesyuarat, Konvensyen-konvensyen Biasa Negeri, Konvensyen-konvensyen Tahunan Negeri dan Konvensyen-konvensyen Khas Negeri dan mencatatkan perjalannya dan bertanggungjawab menyediakan minit mesyuarat-mesyuarat dan konvensyen-konvensyen itu. Beliau hendaklah memaklumkan semua cawangan dalam Negeri dan Jawatankuasa Tertinggi Pusat mengenai semua aktiviti penting Jawatankuasa Negeri.
- (e) Penolong Setiausaha Negeri hendaklah membantu Setiausaha Negeri dalam semua kerja pentadbiran Jawatankuasa Negeri dan apabila Setiausaha Negeri tiada hadir, hendaklah menjalankan tugas-tugas bagi pihaknya.
- (f) Bendahari Negeri hendaklah bertanggungjawab atas hal-ehwal kewangan Jawatankuasa Negeri. Beliau hendaklah menyimpan akaun-akaun mengenai semua urusan kewangan dan hendaklah bertanggungjawab atas ketetapanya. Beliau hendaklah memegang wang tunai runcit tidak melebihi Satu Ribu Ringgit pada bila-bila masa dan sesuatu perbelanjaan yang melebihi Lima Ratus Ringgit tidak harus dilakukan tanpa diluluskan terlebih dahulu oleh Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Kerja Negeri. Penolong Bendahari Negeri hendaklah membantu Bendahari Negeri dalam melaksanakan tugas-

tugas, kuasakuasa dan tanggungjawab-tanggungjawabnya dan apabila Bendahari Negeri tiada hadir, hendaklah menjalankan tugas-tugas bagi pihaknya.

- (g) Setiausaha Organisasi Negeri hendaklah membantu Setiausaha Negeri untuk memastikan kesempurnaan fungsi dan organisasi semua Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen dan Cawangan Parti dalam Negeri dan dalam penubuhan Jawatankuasa-jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen dan Cawangan-cawangan baru Parti dalam Negeri. Beliau hendaklah menjalankan semua tugas organisasi yang diamanahkan kepadanya oleh Setiausaha Negeri dari masa ke semasa.
- (h) Penolong-penolong Setiausaha Organisasi Negeri hendaklah membantu Setiausaha Organisasi Negeri dalam semua tugas organisasi dalam Negeri dan hendaklah menjalankan tugas-tugas bagi pihaknya apabila beliau tidak hadir.
- (i) Setiausaha Publisiti Negeri hendaklah menyebar matlamat-matlamat Parti dan juga bertanggungjawab mengedarkan lidah parti, jurnal-jurnal, akhbar-akhbar dan lain-lain penerbitan Parti kepada cawangancawangan dalam Parti. Beliau hendaklah menentukan bahawa lidah parti, jurnal-jurnal, suratkhabar-suratkhabar dan lain-lain penerbitan Parti diedarkan kepada orang ramai dalam Negeri.
- (j) Penolong Setiausaha Publisiti Negeri hendaklah membantu Setiausaha Publisiti dalam melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan tanggungjawab-tanggungjawabnya dan apabila Setiausaha Publisiti Negeri tidak hadir, hendaklah menjalankan tugastugas bagi pihaknya.
- (k) Pengarah Pendidikan Politik Negeri hendaklah bertanggungjawab untuk mengendalikan kelas-kelas dan kursus-kursus pendidikan-pendidikan politik, dari semasa ke semasa, untuk semua ahli dalam Negeri, seperti yang diarahkan oleh Jawatankuasa Negeri.
- (l) Semua cek dari Jawatankuasa Negeri hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua orang dari yang berikut:
Pengerusi Negeri, Setiausaha Negeri dan Bendahari Negeri.

3. Fungsi-fungsi dan kuasa Jawatankuasa Negeri:

Setiap Jawatankuasa Negeri hendaklah menyelaraskan aktiviti-aktiviti semua Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen dan Cawangan Parti dalam Negeri dengan tujuan memastikan kecekapan dan tatatertib Jawatankuasa-jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen dan Cawangan-cawangan yang maksima dalam mencapai matlamat-matlamat organisasi dan politik Parti, dan dalam melaksanakan arahan-arahan Jawatankuasa Tertinggi Pusat.

Parti Tindakan Demokratik

4. Tertakluk kepada arahan Jawatankuasa Tertinggi Pusat, setiap Jawatankuasa Negeri hendaklah menjalankan penyeliaan am ke atas pengendalian susunan kewangan setiap cawangan dalam negeri, dan hendaklah mengeluarkan arahan-arahan untuk menentukan bahawa akaun cawangan-cawangan Parti dalam negeri disimpan dengan cara yang sempurna dan diauditkan pada masa-masa yang tertentu. Semua cawangan hendaklah mematuhi arahan-arahan itu.
5. Setiap Jawatankuasa Negeri hendaklah, atas arahan Pengerusi Kebangsaan, Setiausaha Agung atau Setiausaha Organisasi Kebangsaan Parti, menyiasat pertikaian-pertikaian di antara ahli-ahli suatu cawangan, atau di antara ahli-ahli Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen dan hendaklah cuba mendamaikan pertikaian-pertikaian itu jika boleh, atau membuat syor-syor untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian itu kepada Jawatankuasa Tertinggi Pusat yang hendaklah mengeluarkan arahan yang difikirkannya sesuai untuk menyelesaikan pertikaian-pertikaian itu.
6. Setiap Jawatankuasa Negeri boleh, tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Tertinggi Pusat, mengutip wang untuk perjalanan kegiatan-kegiatannya, dan membuka akaun/akaun-akaun bank jika perlu, dan hendaklah bertanggungjawab terhadap Jawatankuasa Tertinggi Pusat ke atas penyelenggaran dan pengauditan akaunakaunnya yang sempurna.
7. Setiap Jawatankuasa Negeri hendaklah manjalkan lain-lain kegiatan dan projek di peringkat negeri seperti mana yang dirancang dan diluluskan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat, termasuk penerbitan lidah Parti, jurnal-jurnal atau suratkhabar-suratkhabar.
8. Jawatankuasa Negeri berkuasa untuk mengisi sebarang kekosongan yang timbul dalam Jawatankuasa Negeri sehingga Konvensyen Biasa Negeri yang akan datang, selaras dengan Peruntukan dalam Fasal Kecil 1(b)(i) dan (iii) FASAL ini.
9. Jawatankuasa Negeri berkuasa untuk mengisi sebarang kekosongan yang timbul di kalangan juruaudit yang dilantik oleh Konvensyen Biasa Negeri.
10. Seseorang ahli Jawatankuasa Negeri yang tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Negeri tiga kali berturut-turut tanpa sebab-sebab yang sah akan berhenti menjadi ahli Jawatankuasa Negeri, dan Jawatankuasa Negeri berkuasa melantik mana-mana ahli Parti dalam negeri untuk mengambil tempatnya.
11. Jawatankuasa Tertinggi Pusat berkuasa untuk membubarkan mana-mana Jawatankuasa Negeri jika ia berpuas hati bahawa fungsi berterusan jawatankuasa berkenaan akan menjelaskan kepentingan atau imej Parti.
12. Sekiranya berlaku pembubaran, Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah menubuhkan satu Jawatankuasa Negeri Sementara secepat mungkin dalam

tempoh enam bulan selepas pembubaran berkenaan, dan melantik pegawai-pegawai dan ahli-ahlinya.

13. Sesebuah Jawatankuasa Negeri Sementara yang dibentuk sedemikian hendaklah memegang jawatan untuk tempoh tidak melebihi enam bulan melainkan tempohnya dilanjutkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
14. Setelah tamatnya tempoh Jawatankuasa Sementara Negeri, melainkan tempohnya telah dilanjutkan, Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah memastikan Jawatankuasa Negeri baru dibentuk semula selaras dengan Fasal Kecil 1, FASAL XIV.

FASAL XV

KONVENSYEN BIASA NEGERI

1. Kerja Parti di peringkat negeri adalah di bawah arahan dan kawalan Konvensyen Biasa Negeri, Konvensyen Tahunan Negeri dan Jawatankuasa Tertinggi Pusat Parti.
2. Konvensyen Biasa Negeri hendaklah diadakan apabila tamatnya tempoh Jawatankuasa Negeri yang bakal bersara, atau lebih awal atas permintaan secara bertulis oleh sekurang-kurangnya enam puluh peratus cawangan-cawangan yang berhak menghantar Wakil ke Konvensyen Negeri atau sekurang-kurangnya enam puluh peratus Wakil Konvensyen atau arahan Jawatankuasa Kerja Pusat atau Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
3. Kuorum untuk Konvensyen Biasa Negeri adalah sekurang-kurangnya dua puluh lima peratus jumlah bilangan Wakil yang layak menghadiri Konvensyen Biasa Negeri.
4. (a) Setiap cawangan parti dalam negeri yang berhak menghantar Wakil ke Konvensyen Biasa Negeri layak diwakili oleh Pengurus, Naib Pengurus, Setiausaha, Penolong Setiausaha, Bendahari, Setiausaha Publisiti dan Setiausaha Hal Ehwal Wanitanya sebagai Wakil dalam Konvensyen Biasa Negeri.
(b) Semua ahli Parlimen Parti, Ahli Dewan Undangan Negeri Parti dalam sesebuah negeri dan ahli-ahli Jawatankuasa Negeri yang sedia ada berhak menghadiri Konvensyen Biasa Negeri itu sebagai Wakil tambahan.
5. Ahli-ahli cawangan yang tidak berhak mewakili cawangan boleh menghadiri Konvensyen tersebut sebagai pemerhati dengan syarat memperolehi kelulusan

Parti Tindakan Demokratik

terlebih dahulu dari Jawatankuasa Negeri selepas rundingan dengan Jawatankuasa Tertinggi Pusat. Mereka tidak berhak mengundi dan boleh berucap hanya dengan kebenaran Yang Di Pertua.

6. Tarikh Konvensyen Biasa Negeri hendaklah ditetapkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
7. Urusan Konvensyen Biasa Negeri hendaklah mengikut susunan seperti berikut:
 - (a) Memilih lima belas orang ahli ke Jawatankuasa Negeri;
 - (b) Meluluskan minit Konvensyen Tahunan Negeri yang dahulu;
 - (c) Menimbang dan menerima dari Jawatankuasa Negeri satu Penyata Kira-kira Kewangan yang telah diaudit bagi tahun/tahun-tahun kewangan yang terdahulu;
 - (d) Menimbang dan menerima dari Jawatankuasa Negeri satu laporan yang meliputi kerja dan kemajuan Parti dalam negeri dalam tempoh jawatannya;
 - (e) Menimbang dan menerima apa-apa ketetapan yang dihantarkan kepada Konvensyen Biasa Negeri selaras dengan Fasal Kecil 10 FASAL ini;
 - (f) Meluluskan ketetapan-ketetapan dan/atau perisyiharan-perisyiharan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Negeri;
 - (g) Menguruskan apa-apa urusan tertentu yang telah dikemukakan kepada dan diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri selaras dengan Fasal Kecil 17 FASAL ini;
 - (h) Melantik dua ahli Parti dalam negeri berkenaan sebagai juru audit dalam sehingga Konvensyen Biasa Negeri yang seterusnya.
8. Perjalanan seluruh proses pencalonan dan pemilihan 15 orang ahli Jawatankuasa Negeri adalah tanggungjawab Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
9. Sekurang-kurangnya lapan minggu sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Konvensyen Biasa Negeri, Setiausaha Negeri hendaklah memberitahu semua Setiausaha Cawangan dalam negeri mengenai tarikh yang ditetapkan untuk Konvensyen Biasa Negeri dan menarik perhatian mereka kepada Fasal-fasal Kecil 10, 11 dan 17 FASAL ini.
10. Cawangan-cawangan dalam sesebuah negeri yang berhak menghantar Wakil ke Konvensyen Biasa Negeri yang berhajat mengusulkan apa-apa ketetapan dalam Konvensyen Biasa Negeri hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada Setiausaha Negeri. Ketetapan itu hendaklah disokong oleh satu cawangan yang lain yang juga berhak menghantar Wakil dan hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Negeri tidak lewat daripada empat minggu sebelum tarikh Konvensyen Biasa Negeri.
11. Setiap jawatankuasa cawangan yang berhak menghantar wakil ke Konvensyen Biasa Negeri adalah layak mencadangkan sehingga lima belas orang ahli Parti dalam negeri untuk bertanding dalam pemilihan ke Jawatankuasa Negeri.

Pencalonan sedemikian hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Agung tidak lewat daripada empat minggu sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Konvensyen Biasa Negeri.

12. Sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum Konvensyen Biasa Negeri atau lima hari sebelum Konvensyen Khas Negeri, Setiausaha Negeri hendaklah memberitahu semua cawangan dan Wakil-wakil mengenai urusan yang akan dijalankan dalam Konvensyen Biasa Negeri atau Konvensyen Khas Negeri. Pemberitahu mengenai urusan yang akan dijalankan dalam Konvensyen Biasa Negeri hendaklah termasuk penyata kira-kira kewangan meliputi tahun/tahun-tahun kewangan yang terdahulu, apa-apa ketetapan yang cawangan-cawangan telah menyatakan hasratnya hendak mencadang di bawah Fasal Kecil 10 FASAL ini, satu senarai calon-calon yang dicalonkan mengikut Fasal Kecil 11 FASAL ini untuk pilihan ke Jawatankuasa Negeri dan apa-apa urusan tertentu yang telah dikemukakan kepada dan diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri selaras dengan Fasal Kecil 17 FASAL ini.
13. Sebelum berlangsungnya mana-mana Konvensyen Biasa Negeri atau Konvensyen Khas Negeri, Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah melantik ahli-ahli Parti untuk menjadi Yang Di Pertua dan Timbalan Yang Di Pertua dalam mana-mana konvensyen. Timbalan Yang Di Pertua hendaklah menjalankan tugas-tugas Yang Di Pertua semasa ketiadaannya.
14. Setiap Wakil berhak kepada satu undi atas apa-apa usul.
15. Dalam mana-mana Konvensyen Biasa Negeri atau Konvensyen Khas Negeri sesuatu perkara yang dikemukakan untuk ditetapkan secara undi dalam konvensyen hendaklah ditentukan dengan bentuk mengangkat tangan dan dalam kes di mana terdapat undi sama banyak, perkara itu akan diisyiharkan sebagai ditolak. Melainkan ada permintaan untuk undi sulit, perisytiharan oleh Yang Di Pertua bahawa sesuatu perkara itu telah ditolak atau diterima dengan bentuk mengangkat tangan merupakan bukti muktamad perkara berkenaan. Permintaan supaya undi sulit diadakan boleh ditarik balik. Undi secara proksi tidak dibenarkan.
16. Konvensyen Biasa Negeri atau Konvensyen Khas Negeri boleh ditangguhkan dari semasa ke semasa hingga urusan konvensyen itu diselesaikan.
17. Cawangan-cawangan yang berhak menghantar Wakil ke Konvensyen Biasa Negeri yang berhasrat mencadangkan apa-apa urusan tertentu dalam Konvensyen Biasa Negeri hendaklah memberikan notis secara bertulis kepada Setiausaha Negeri. Urusan tertentu itu hendaklah disokong oleh satu cawangan yang lain yang juga berhak menghantar Wakil dan hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Negeri tidak lewat daripada lima minggu sebelum tarikh Konvensyen Biasa Negeri. Keputusan Jawatankuasa Negeri untuk membenarkan atau tidak apa-apa urusan tertentu dibangkitkan di dalam Konvensyen Biasa Negeri adalah muktamad.

18. Pengendalian keseluruhan perjalanan Konvensyen Biasa Negeri hendaklah ditentukan oleh Jadual Pertama Perlembagaan ini dengan pindaan-pindaan yang sewajarnya.

FASAL XVI

KONVENTSYEN TAHUNAN NEGERI

1. Konvensyen Tahunan Negeri hendaklah diadakan sekali setiap tahun kecuali dalam tahun Konvensyen Biasa Negeri diadakan.
2. Fasal-fasal Kecil 3, 4, 5, 9, 10, 12, 13, 14, 15, 16, 17 dan 18 FASAL XV hendaklah digunakan secara *mutatis mutandis* untuk semua Konvensyen Tahunan Negeri.
3. Urusan dalam Konvensyen Tahunan Negeri hendaklah mengikut susunan seperti berikut:
 - (a) Meluluskan minit Konvensyen Biasa Negeri yang dahulu;
 - (b) Menimbang dan menerima dari Jawatankuasa Negeri satu penyata kira-kira kewangan yang telah diaudit yang meliputi tahun/tahun-tahun kewangan yang terdahulu;
 - (c) Menimbang dan menerima dari Jawatankuasa Negeri satu laporan yang meliputi kerja dan kemajuan Parti dalam Negeri semenjak Konvensyen Biasa Negeri yang lalu;
 - (d) Menimbang dan menerima apa-apa ketetapan yang dikemukakan kepada Konvensyen Tahunan Negeri selaras dengan Fasal Kecil 2 FASAL ini.
 - (e) Meluluskan ketetapan-ketetapan dan/atau perisyiharan-perisyiharan yang dibentangkan oleh Jawatankuasa Negeri;
 - (f) Meluluskan apa-apa urusan tertentu yang telah dikemukakan kepada dan diluluskan oleh Jawatankuasa Negeri selaras dengan Fasal Kecil 2 FASAL ini.
4. Sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum Konvensyen Tahunan Negeri, Setiausaha Negeri hendaklah memberitahu semua cawangan dan Wakil mengenai urusan yang akan dijalankan dalam Konvensyen itu. Pemberitahu itu hendaklah termasuk penyata kira-kira kewangan, apa-apa ketetapan dan urusan tertentu yang cawangan-cawangan telah menyatakan hasratnya untuk mencadang di bawah Fasal Kecil 2 FASAL ini.

FASAL XVII

PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN JAWATANKUASA PERHUBUNGAN KAWASAN PARLIMEN

1. Jawatankuasa Tertinggi Pusat boleh, dengan cadangan Jawatankuasa Negeri, menubuhkan JAWATANKUASA PERHUBUNGAN KAWASAN PARLIMEN (selepas ini disebut sebagai JPKP) di Negeri di mana kawasan parlimen yang dicadangkan itu mempunyai dua cawangan atau lebih.
2. Jawatankuasa Tertinggi Pusat mempunyai kuasa untuk membubarkan mana-mana Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen jika ia yakin bahawa operasi jawatankuasa yang berterusan akan menjaskan kepentingan atau imej baik Parti.
3. Sekiranya berlaku pembubaran, Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah menubuhkan suatu Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlmen Sementara dalam tempoh enam bulan dari tarikh pembubaran dan melantik ahli-ahli Cawangan dalam kawasan Parlmen itu untuk memegang jawatan dalam Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlmen sehingga suatu Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlmen yang baru ditubuhkan semula mengikut arahan Jawatankuasa Tertinggi Pusat.

FASAL XVIII

MESYUARAT BIASA JAWATANKUASA PERHUBUNGAN KAWASAN PARLIMEN

1. Mesyuarat Biasa Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlmen (selepas ini disebut "MB JPKP") hendaklah diadakan sekali setiap DUA tahun. Tarikh MB JPKP ditetapkan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
2. (a) Setiap Cawangan dalam kawasan parlmen tersebut yang layak menghantar Wakil ke MB JPKP hendaklah diwakili oleh Pengerusinya (atau Wakil lain yang dilantik oleh Cawangan Tempatan berkenaan jika Pengerusinya enggan menjadi wakil ke MB JPKP).
(b) Ahli Parlmen dan Ahli Dewan Undangan Negeri Parti serta Ketua-ketua Pemuda dan Wanita di kawasan parlmen berhak untuk menghadiri MB JPKP sebagai Wakil tambahan.

3. Agenda MB JPKP hendaklah disusun seperti berikut:
 - (a) Memilih pemegang jawatan dalam Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen;
 - (b) Meluluskan minit MB JPKP yang terdahulu;
 - (c) Menimbang dan menerima daripada Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen satu Penyata Kira-kira Kewangan yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang terdahulu;
 - (d) Menimbang dan menerima daripada Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen satu laporan yang meliputi kerja dan kemajuan Parti dalam tempoh penjawatannya;
 - (e) Menimbang dan menerima ketetapan-ketetapan/ perisyiharan-perisyiharan yang dibentangkan di dalamnya;
 - (f) Melantik dua orang ahli Cawangan dalam kawasan Parlimen sebagai juruaudit dalaman sehingga MB JPKP yang akan datang.
4. Sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk MB JPKP, Penyelaras hendaklah menghantar pemberitahuan mengenai masa, tarikh dan tempat mesyuarat itu serta juga agenda dan Penyata Kira-kira Kewangan kepada semua Wakil.
5. Kuorum MB JPKP hendaklah sekurang-kurangnya 50% dari jumlah keseluruhan Wakil yang berhak untuk menghadiri MB JPKP.
6. Sekiranya kuorum tidak mencukupi MB JPKP hendaklah ditangguhkan untuk selama tiga puluh minit. Sekiranya bilangan yang hadir masih kurang dari kuorum yang diperlukan, apabila mesyuarat dimulakan selepas penangguhan tersebut, Yang Di Pertua Mesyuarat hendaklah menangguhkan mesyuarat itu ke satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Negeri. Kuorum mesyuarat yang seterusnya adalah jumlah wakil yang hadir yang hendaklah tidak kurang dari 25% daripada jumlah keseluruhan wakil.”

FASAL XIX

JAWATANKUASA PERHUBUNGAN KAWASAN PARLIMEN

1. Komposisi JPKP hendaklah dibentuk seperti berikut:
 - (a) Ahli Parlimen Parti di dalam kawasan Parlimen berkenaan;
 - (b) Ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan Parlimen berkenaan;

- (c) Ketua Pemuda di kawasan Parlimen berkenaan;
 - (d) Ketua Wanita di kawasan Parlimen berkenaan; dan
 - (e) Pengurus Cawangan-cawangan yang layak.
2. JPKP hendaklah memilih dari kalangan anggotanya yang disebut dalam sub-fasal 1 pemegang-pemegang jawatan berikut:-
- seorang Penyelaras JPKP (Ahli Parlimen Parti di dalam kawasan Parlimen berkenaan);
 - seorang Setiausaha JPKP;
 - seorang Bendahari JPKP;
 - seorang Setiausaha Organisasi JPKP;
 - seorang Setiausaha Publisiti JPKP;
3. Jawatankuasa Negeri mempunyai kuasa untuk melantik orang yang sesuai dari kalangan JPKP untuk menjadi Penyelaras JPKP apabila berlaku keadaan seperti berikut:
- (a) di mana Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Undangan Negeri Parti enggan menjadi Penyelaras JPKP
 - (b) di mana tiada Ahli Parlimen atau Ahli Dewan Negeri Parti di dalam Kawasan
 - (c) di mana ada lebih dari seorang Ahli Dewan Undangan Negeri tetapi tiada Ahli Parlimen Parti di dalam Kawasan
4. JPKP mempunyai kuasa untuk melantik dari kalangan ahli Cawangan dalam kawasan parlimen berkenaan mana-mana ahli untuk mengisi sebarang kekosongan dalam JPKP sehingga Mesyuarat Agung JPKP yang berikutnya sebagaimana dan bila perlu.
5. Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen adalah berkuasa melantik mana-mana ahli dari Cawangan dalam kawasan parlimen itu untuk mengisi sebarang kekosongan yang timbul di kalangan juruaudit-juruaudit yang telah dilantik oleh Mesyuarat Agung Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen.
6. Tugas pegawai-pegawai Jawatankuasa Perhubungan:
- (a) Penyelaras JPKP hendaklah mempergerusikan semua mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan. Beliau berhak memanggil mesyuarat-mesyuarat Jawatankuasa Perhubungan.
 - (b) Setiausaha JPKP hendaklah bertanggungjawab ke atas urusan surat-menyerat dan beliau hendaklah menghantar minit semua Mesyuarat Jawatankuasa kepada Setiausaha Agung dalam tempoh tujuh hari selepas tarikh mesyuarat.
 - (c) Bendahari JPKP hendaklah bertanggungjawab ke atas urusan kewangan Jawatankuasa Perhubungan. Beliau hendaklah menyimpan akaun semua transaksinya.

Parti Tindakan Demokratik

- (d) Setiausaha Organisasi JPKP hendaklah memastikan pelaksanaan dengan baik fungsi dan organisasi JPKP. Beliau juga hendaklah melaksanakan segala tugas-tugas organisasi yang diberikan kepadanya dari masa ke semasa oleh Setiausaha JPKP.
 - (e) Setiausaha Publisiti JPKP hendaklah bertanggungjawab menyebarkan objektif-objektif Parti.
7. Fungsi-fungsi dan kuasa-kuasa Jawatankuasa Perhubungan:
Setiap Jawatankuasa Perhubungan hendaklah membantu Jawatankuasa Negeri untuk menyelaras aktiviti-aktiviti Cawangan dalam kawasan itu dan hendaklah menjalankan apa-apa tanggungjawab yang diamanahkan kepadanya oleh Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
8. Tertakluk kepada Fasal Kecil 8 FASAL XXX, Jawatankuasa Perhubungan tidak boleh memegang jawatan melebihi tempoh dua tahun.
9. Jawatankuasa Perhubungan akan bermesyuarat dua bulan sekali dan lebih dari lima puluh peratus ahli-ahli merupakan kuorum mesyuarat yang diadakan dengan sempurna. Pemberitahuan mengenai mesyuarat hendaklah dihantar kepada semua ahli Jawatankuasa Perhubungan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat.
10. Semua cek yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua orang berikut:- Penyelaras JPKP, Setiausaha JPKP dan Bendahari JPKP.

FASAL XX **PENUBUHAN DAN PEMBUBARAN** **CAWANGAN-CAWANGAN**

1. Jawatankuasa Tertinggi Pusat Parti boleh, mengikut budi bicaranya, meluluskan penubuhan cawangan di sesuatu kawasan di mana ahli-ahli Parti bermastautin atau bekerja.
2. Jawatankuasa Tertinggi Pusat boleh membubarkan sesuatu cawangan:
 - (a) Jika ia berpuas hati bahawa terdapat penyelewengan dalam pentadbiran cawangan itu; atau

- (b) Jika cawangan itu enggan mematuhi peraturan-peraturan Parti atau keputusan Kongres Parti atau Persidangan Parti atau Jawatankuasa Tertinggi Pusat atau Konvensyen Biasa Negeri atau Konvensyen Tahunan Negeri atau Jawatankuasa Negeri atau jika pada pendapat Jawatankuasa Tertinggi Pusat ia didapati bersalah kerana kelakuan yang menjelaskan cita-cita dan matlamat-matlamat Parti.
3. Sesuatu keputusan untuk membubarkan sesuatu cawangan hendaklah dilakukan dengan cara majoriti undi dalam satu mesyuarat Jawatankuasa Tertinggi Pusat, dengan syarat bahawa sebelum sesuatu keputusan untuk membubarkan sesuatu cawangan dibuat, cawangan itu hendaklah diberi notis dua minggu serta satu peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan.
 4. Perintah pembubaran hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung. Selepas menerima perintah berkenaan, Jawatankuasa Cawangan hendaklah berhenti berfungsi kecuali bagi tujuan penggulungan.
 5. Sekiranya berlaku pembubaran sesuatu cawangan kerana sebab-sebab yang tersebut di bawah Fasal Kecil 2 FASAL ini, ahli-ahli cawangan berkenaan hendaklah berhenti menjadi ahli Parti. Jawatankuasa Tertinggi Pusat, bagaimanapun, boleh mengecualikan ahli-ahli individu cawangan berkenaan dari peruntukan ini, dan ahli-ahli berkenaan hendaklah selepas pengecualianya terus dianggap sebagai ahli Parti.
 6. Adalah menjadi tanggungjawab Pengurus, Setiausaha dan Bendahari Jawatankuasa Cawangan berkenaan untuk menyerahkan kepada Setiausaha Agung semua buku, rekod, wang dan lain-lain harta dalam milikan cawangan serta satu penyata akaun cawangan itu dari tarikh akhir akaun cawangan dikemukakan sehingga ke tarikh perintah pembubaran dikeluarkan.
 7. Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah berkuasa membubarkan mana-mana Jawatankuasa Cawangan jika ia berpuas hati bahawa kewujudannya boleh memudararatkan kepentingan Parti. Sekiranya berlaku pembubaran, satu jawatankuasa cawangan yang baru hendaklah dibentuk semula oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat tidak lewat daripada tiga bulan selepas pembubaran itu.
 8. Dalam tempoh interim itu, Jawatankuasa Tertinggi Pusat boleh membentuk satu Jawatankuasa Sementara Cawangan dan melantik pegawai-pegawai serta ahli-ahlinya.

FASAL XXI

MESYUARAT AGUNG TAHUNAN CAWANGAN-CAWANGAN

1. Setiap ahli Cawangan Parti yang telah membayar semua yurannya berhak menghadiri, berucap dan mengundi dalam mana-mana Mesyuarat Agung Tahunan Cawangannya.
2. Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah diadakan sekali setiap tahun. Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar pemberitahu mengenai masa, tarikh dan tempat mesyuarat itu serta juga agenda dan Penyata Kira-kira Kewangan kepada semua ahli cawangan yang telah membayar yurannya tidak lewat daripada tujuh hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan.
3. Tertakluk pada Fasal Kecil 3A, urusan bagi Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan hendaklah mengikut susunan seperti berikut:
 - (a) Memilih pemegang-pemegang jawatan berikut:
 - Seorang Pengerusi Cawangan,
 - Seorang Naib Pengerusi Cawangan,
 - Seorang Setiausaha Cawangan,
 - Seorang Penolong Setiausaha Cawangan,
 - Seorang Bendahari Cawangan,
 - Seorang Setiausaha Publisiti Cawangan,
 - Seorang Setiausaha Hal Ehwal Wanita Cawangan,
 - Dua orang Ahli Jawatankuasa Cawangan;
 - (b) Memilih Wakil-wakil ke Kongres Parti mengikut peruntukan Fasal Kecil 3(a) FASAL VIII Perlembagaan ini;
 - (c) Meluluskan minit Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan yang terdahulu;
 - (d) Menimbang dan menerima dari Jawatankuasa Cawangan satu Penyata Kira-kira Kewangan yang telah diaudit meliputi tahun kewangan yang terdahulu;
 - (e) Menimbang dan menerima dari Jawatankuasa Cawangan satu laporan meliputi kerja dan kemajuan Cawangan dalam tempoh jawatannya;
 - (f) Menimbang dan menerima ketetapan-ketetapan yang dibentangkan di hadapannya;
 - (g) Melantik dua orang ahli Cawangan sebagai Juruaudit Cawangan sehingga Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan akan datang.

- 3A. Tanpa mengambil kira Fasal Kecil 3 di bawah Fasal ini, urusan di bawah (a) dengan itu hendaklah diadakan dua tahun sekali.
- 3B. Tertakluk kepada Fasal Kecil 8 di bawah Fasal XXX, Jawatankuasa Cawangan tidak boleh memegang jawatan selama lebih dari dua tahun.
4. Jawatan Setiausaha Hal Ehwal Wanita hanya boleh dipegang oleh seorang ahli wanita Cawangan berkenaan.
5. Mesyuarat Agung Khas Cawangan hendaklah diadakan atas arahan Jawatankuasa Negeri atau Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
6. Pemberitahu mengenai Mesyuarat Agung Khas Cawangan hendaklah dihantar kepada semua ahli cawangan yang telah membayar yurannya tidak lewat dari lima hari sebelum tarikh ditetapkan untuk mesyuarat berkenaan dan hendaklah menyatakan tajuk atau tajuktajuk yang akan dibincangkan dalam Mesyuarat Agung Khas Cawangan. Sebarang tajuk lain tidak boleh dibincangkan dalam Mesyuarat berkenaan. Ahli-ahli Cawangan yang menghadiri mesyuarat-mesyuarat itu haruslah merupakan ahli-ahli Parti yang telah membayar yurannya, dan mereka berhak berucap dan mengundi atas apa-apa usul yang dikemukakan.
7. Sebelas orang ahli Parti dari Cawangan yang telah membayar yurannya hendaklah menjadi kuorum Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan atau Mesyuarat Agung Khas Cawangan.
8. Sekiranya tidak cukup kuorum, Mesyuarat hendaklah ditangguhkan untuk selama tiga puluh minit. Apabila Mesyuarat diadakan semula selepas penangguhan itu, dan jika bilangan ahli yang hadir masih kurang daripada sebelas orang ahli yang telah membayar yurannya, Yang Di Pertua Mesyuarat hendaklah menangguhkan Mesyuarat itu ke satu tarikh yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa Negeri. Kuorum untuk Mesyuarat seterusnya adalah tidak kurang daripada lapan orang ahli yang telah membayar yurannya.

FASAL XXII

JAWATANKUASA CAWANGAN

1. Jawatankuasa Cawangan adalah berkuasa melantik tidak lebih daripada enam ahli tambahan ke Jawatankuasa Cawangan tertakluk kepada kelulusan Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
2. Tugas-tugas Jawatankuasa Cawangan adalah mengurus hal ehwal Cawangan mengikut peraturan-peraturan cawangan dan arahan-arahan Jawatankuasa Kerja

Pusat, Jawatankuasa Tertinggi Pusat, Kongres Kebangsaan Parti, Kongres Khas Parti dan Persidangan Parti. Ia hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya sekali sebulan, dan kuorumnya adalah lebih daripada setengah bilangan ahli Jawatankuasa.

3. Setiausaha Cawangan hendaklah mengemukakan satu salinan minit kepada Setiausaha Agung tidak lewat 6 daripada tujuh hari selepas setiap mesyuarat, melainkan diarahkan sebaliknya oleh Setiausaha Agung.
4. Jawatankuasa Cawangan atau mana-mana ahlinya tidak dibenarkan mengeluarkan apa-apa kenyataan umum mengenai apa-apa dasar Parti tanpa terlebih dahulu mendapat keizinan Setiausaha Agung Parti.
5. Jawatankuasa Cawangan adalah berkuasa melantik mana-mana ahli dari Cawangan itu untuk mengisi sebarang kekosongan yang timbul dalam Jawatankuasa Cawangan.
6. Jawatankuasa Cawangan adalah berkuasa melantik mana-mana ahli dari Cawangan itu untuk mengisi sebarang kekosongan yang timbul di kalangan juruauditjuruaudit.

FASAL XXIII

TUGAS PEGAWAI-PEGAWAI CAWANGAN

1. Pengerusi hendaklah dalam tempoh jawatannya memanggil dan mempengerusikan semua Mesyuarat Jawatankuasa Cawangan, dan hendaklah bertanggungjawab mengendalikan mesyuarat-mesyuarat tersebut dengan sempurna.
2. Naib Pengerusi hendaklah menjalankan tugas-tugas Pengerusi semasa ketiadaannya.
3. Setiausaha Cawangan hendaklah menjalankan urusan cawangan mengikut peraturan-peraturan Parti dan arahan Jawatankuasa Kerja Negeri, Jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa Kerja Pusat dan Jawatankuasa Tertinggi Pusat. Beliau hendaklah melaksanakan arahan-arahan Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan, Mesyuarat Agung Khas Cawangan dan Jawatankuasa Cawangan. Beliau hendaklah bertanggungjawab atas urusan suratmenyurat dan menyimpan daftar semua ahli cawangan, buku-buku, dokumen-dokumen dan kertas-kertas, kecuali akaun dan rekod-rekod kewangan. Beliau hendaklah menghadiri semua mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan mencatatkan perjalannya dan hendaklah bertanggungjawab atas penyediaan minit mesyuarat-mesyuarat itu.
4. Penolong Setiausaha hendaklah membantu Setiausaha dalam semua kerja pentadbiran cawangan dan hendaklah menjalankan tugas-tugasnya semasa ketiadaannya.

5. Bendahari hendaklah bertanggungjawab atas hal ehwal kewangan cawangan. Beliau hendaklah menyimpan akaun-akaun semua urusan kewangannya dan hendaklah bertanggungjawab ke atas ketetapannya. Beliau juga hendaklah bertanggungjawab terhadap kutipan dan pengiriman yuran tahunan semua ahli cawangannya kepada Bendahari Kebangsaan Parti dalam tempoh bulan pertama setiap tahun. Untuk tujuan ini, Beliau hendaklah bertanggungjawab menarik perhatian semua ahli cawangannya kepada Fasal Kecil 2, 3 dan 4 FASAL V Perlembagaan Parti.
6. Setiausaha Publisiti hendaklah bertanggungjawab menyebarkan objektif-objektif parti dalam kawasan itu dan juga atas pengedaran lidah Parti, jurnal-jurnal, suratkhabar-suratkhabar dan lain-lain penerbitan Parti kepada orang ramai di sekeliling cawangannya.
7. Setiausaha Hal Ehwal Wanita hendaklah bertanggungjawab untuk merekrut ahli-ahli wanita dan menganjurkan aktiviti-aktiviti untuk ahli-ahli wanita.
8. Seorang ahli Jawatankuasa Cawangan yang tidak menghadiri mesyuarat Jawatankuasa Cawangannya tiga kali berturut-turut tanpa sebab-sebab yang sah akan berhenti manjadi ahli Jawatan Cawangan dan Jawatankuasa Cawangan berkuasa melantik mana-mana ahli Cawangan untuk mengambil tempatnya.
9. Semua cek yang dikeluarkan oleh Cawangan hendaklah ditandatangani oleh mana-mana dua orang berikut:
Pengerusi Cawangan, Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan.

FASAL XXIV

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM BERHUBUNG DENGAN CAWANGAN- CAWANGAN

1. Apabila tidak ada sebarang peruntukan khas yang dibuat dalam peraturan ini mengenai apa-apa perkara berhubung dengan hal ehwal Cawangan Parti, peraturan yang berkaitan dengan pengurusan organisasi Ibu Pejabat hendaklah dipatuhi sejauh mana yang boleh diterima pakai.

2. Kongres Kebangsaan Parti, Kongres Khas Parti, Persidangan Parti, Konvensyen Biasa Negeri, Konvensyen Tahunan Negeri, Jawatankuasa Kerja Pusat, Jawatankuasa Tertinggi Pusat, Jawatankuasa Negeri dan Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen boleh memberi arahan-arahan kepada Mesyuarat Agung Tahunan Cawangan atau Jawatankuasa suatu Cawangan berhubung dengan pengurusan hal ehwalnya, dan arahan-arahan itu hendaklah dipatuhi dengan sebaik-baiknya oleh Cawangan berkenaan.

FASAL XXV

DANA DAN AKAUN-AKAUN CAWANGAN

1. Semua wang yang terkumpul di Ibu Pejabat Kebangsaan, Ibu Pejabat Negeri, Pejabat-pejabat Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen atau Cawangan Parti merupakan aset bersama parti.
2. Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah memutuskan dari semasa ke semasa peratusan yuran yang akan dipegang oleh Cawangan-cawangan sebagai dana Cawangan dan hendaklah memutuskan jenis perbelanjaan yang boleh dibayar daripada dana Cawangan.
3. Cawangan boleh juga menerima bantuan daripada dana Parti untuk tujuan-tujuan tertentu seperti yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat. Setiap Bendahari Cawangan hendaklah menghantar kepada Bendahari Kebangsaan yuran-yuran tahunan yang diterima oleh Cawangan-cawangan selepas ditolak peratusan yang boleh disimpan sebagai dana Cawangan dalam bulan pertama setiap tahun kewangan.
4. Cawangan boleh juga, dengan kebenaran Jawatankuasa Tertinggi Pusat, mengutip derma dari ahli-ahli dan penyokong-penyokong. Wang yang dikutip dari derma-derma itu hendaklah dikemukakan kepada Bendahari Kebangsaan selepas ditolak peratusan yang boleh disimpan oleh Cawangan, jika ada, seperti mana yang diputuskan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
5. Bendahari Cawangan hendaklah mengemukakan kepada Bendahari Kebangsaan sebelum hari ke-15 setiap bulan satu penyata pendapatan dan perbelanjaan cawangan bagi bulan yang terdahulu.

6. Dana Cawangan hendaklah disimpan atas nama Cawangan dalam sebuah bank yang diluluskan oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat dan akaun itu hendaklah diuruskan oleh Pengerusi Cawangan, Setiausaha Cawangan dan Bendahari Cawangan. Bendahari Cawangan boleh memegang wang runcit tidak melebihi Empat Ratus Ringgit pada satu-satu masa.
7. Sesuatu perbelanjaan yang melebihi Empat Ratus Ringgit pada sesuatu masa tidak boleh dilakukan oleh Bendahari Cawangan tanpa diluluskan dahulu oleh Jawatankuasa Cawangan.
8. Semua wang, buku dan lain-lain harta Parti yang dipegang oleh sesuatu Cawangan yang telah dibubarkan hendaklah dengan segera dihantar oleh Setiausaha Cawangan kepada Setiausaha Agung bersama-sama dengan satu penyata kira-kira wang mengikut Fasal Kecil 6 dan 7 FASAL XX.

FASAL XXVI

PINDAAN KEPADA PERLEMBAGAAN

1. Pindaan kepada Perlembagaan boleh dilakukan di dalam Kongres Kebangsaan Parti atau Kongres Khas Parti yang diadakan khas untuk tujuan berkenaan atau dalam Persidangan Parti.
2. Cadangan pindaan-pindaan kepada Perlembagaan oleh Cawangan-cawangan hendaklah dihantar secara bertulis kepada Setiausaha Agung sekurang-kurangnya 28 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk Kongres Parti, Persidangan Parti atau Kongres Khas Parti. Cadangan pindaan-pindaan tersebut hendaklah ditimbang untuk dibentangkan dalam Kongres Kebangsaan Parti atau Persidangan Parti atau Kongres Khas Parti sekiranya cadangan pindaan-pindaan tersebut dirangka dengan baik.
3. Cadangan pindaan-pindaan hendaklah diedarkan kepada wakil-wakil sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum Kongres Kebangsaan Parti, Kongres Khas Parti dan Persidangan Parti.
4. Sesuatu ketetapan yang mencadangkan pemansuhan, tambahan kepada atau pindaan mana-mana FASAL dalam Kongres Kebangsaan Parti, Kongres Khas Parti atau Persidangan Parti adalah tidak sah melainkan setengah daripada Wakil-wakil yang hadir mengundi menyokong ketetapan-ketetapan itu.

FASAL XXVII

AUDIT

1. Kongres Kebangsaan Parti hendaklah melantik sebagai juruaudit seorang (atau sebuah firma) akauntan berkelayakan yang bukan merupakan ahli Parti. Juruaudit yang dilantik itu hendaklah memegang jawatannya sehingga ia meletakkan jawatan itu, atau sebaliknya sehingga perlantikannya itu ditamatkan oleh Kongres Parti.
2. Sekiranya berlaku perletakan jawatan, Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah melantik seorang (atau sebuah firma) akauntan yang berkelayakan yang lain yang bukan merupakan ahli Parti sebagai Juruaudit sehingga Kongres Kebangsaan Parti yang kemudiannya.
3. Juruaudit dikehendaki mengaudit akaun-akaun Parti bagi tahun berkenaan dan menyediakan satu laporan atau sijil untuk Kongres Parti. Ia mungkin diminta oleh Pengerusi Kebangsaan pada bila-bila masa dalam tempoh jawatannya untuk mengaudit akaun-akaun Parti atau mana-mana cawangannya, dan membuat satu laporan kepada Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
4. Kongres Kebangsaan Parti hendaklah melantik tidak kurang daripada dua orang Juruaudit dalaman untuk mengaudit akaun-akaun Ibu Pejabat Parti. Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah melantik sekurang-kurangnya dua orang Juruaudit dalaman untuk mengaudit akaun-akaun semua Jawatankuasa Kecil. Semua Cawangan, Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen dan Jawatankuasa Negeri hendaklah mengemukakan akaun-akaun mereka kepada Juruaudit-juruaudit dalaman ini untuk pengauditan dalaman.

FASAL XXVIII

PEMEGANG AMANAH

1. Tiga orang pemegang amanah yang berumur lebih daripada 21 tahun hendaklah dilantik oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat dan hendaklah memegang jawatan dalam tempoh yang ditentukan oleh Parti. Kepada mereka diamanahkan semua harta tetap milikan Parti dan mereka hendaklah mengendalikannya mengikut cara yang diarahkan oleh 2 Jawatankuasa Tertinggi Pusat.

2. Pemegang-pemegang amanah tidak boleh menjual, mengeluar atau memindahkan harta Parti tanpa persetujuan dan kuasa Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
3. Seseorang pemegang amanah boleh dipecat dari jawatannya oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat atas alasan bahawa oleh sebab keuzuran, tidak siuman, ketiadaan dalam negara atau atas sebab-sebab lain beliau tidak dapat menjalankan tugas-tugasnya atau tidak dapat berbuat demikian dengan memuaskan. Sekiranya berlaku kematian, perletakan jawatan, pemecatan atau penyingkiran seseorang pemegang amanah, kekosongan itu hendaklah diisi oleh Jawatankuasa Tertinggi Pusat.

FASAL XXIX

PEMBUBARAN PARTI

Parti ini boleh dibubarkan secara sukarela melalui ketetapan oleh tidak kurang dari tiga perempat jumlah keahliannya. Andainya Parti dibubarkan sebagaimana yang diperuntukkan di atas, semua hutang dan tanggungan yang dilakukan secara sah bagi pihaknya hendaklah diselesaikan sepenuhnya, dan baki dana hendaklah dibelanjakan dengan cara yang ditetapkan oleh Kongres Parti.

FASAL XXX

AM

1. Tahun Kewangan Parti bermula pada 1hb Januari dan berakhir pada 31hb Disember. Dalam tempoh enam bulan selepas tamat tempohnya penjawatannya, Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah mengadakan Kongres Parti dan mengemukakan kepadanya satu laporan dengan Penyata Kira-kira Kewangan Parti yang telahpun diaudit bagi tempoh penjawatannya.
2. Tiada seorang ahli pun, kecuali kerana perkhidmatan professional yang diberi atas permintaan Jawatankuasa Tertinggi Pusat, boleh menerima sebarang keuntungan, gaji atau emolumen daripada dana atau urusniagaurusniaga parti.
3. Setiap ahli hendaklah mematuhi dengan ikhlas dan sempurnanya setiap keputusan yang dibuat oleh Kongres Kebangsaan Parti atau Kongres Khas Parti atau Persidangan Parti atau Jawatankuasa Tertinggi Pusat atau Jawatankuasa Kerja Pusat sehingga masanya keputusan itu dipinda atau dimansuhkan.

Parti Tindakan Demokratik

4. Hanya Pengerusi Kebangsaan atau Setiausaha Agung Parti boleh mengeluarkan sesuatu kenyataan kepada akhbar atas nama Parti melainkan diberi kuasa secara bersama oleh Pengerusi Kebangsaan dan Setiausaha Agung.
5. Semua notis dan lain-lain komunikasi hendaklah dianggap sebagai telah disampaikan jika ia dialamatkan kepada alamat terakhir ahli-ahli atau orang-orang tertentu yang diketahui.
6. Jawatankuasa Tertinggi Pusat adalah berkuasa mengikut budibicaranya menggunakan dana Parti atau wang-wang yang dikutip menerusi derma dari ahli-ahli Parti untuk memberikan pampasan kepada seseorang ahli Parti yang mengalami kerugian atau kecederaan akibat dari kegiatan secara langsung atau tidak langsung yang dijalankan untuk Parti.
7. Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah mempunyai kuasa untuk menubuhkan Bahagian Pemuda dan Wanita Parti dan hendaklah membuat kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang wajar untuk mengawal pengurusan dan aktiviti-aktiviti Bahagian-bahagian berkenaan.
8. Jawatankuasa Tertinggi Pusat hendaklah mempunyai kuasa untuk melanjutkan tempoh Jawatankuasa Negeri, Jawatankuasa Perhubungan Kawasan Parlimen dan 4 Jawatankuasa Cawangan bagi tempoh tidak melebihi enam bulan.
9. Hanya calon-calon yang telah memenuhi segala keperluan pencalonan dan telah menerima pencalonan daripada tidak kurang daripada dua Cawangan yang berhak menghantar Wakil hendaklah berkelayakan untuk dipilih ke Jawatankuasa Negeri dalam mana-mana Konvensyen Biasa Negeri atau ke Jawatankuasa Tertinggi Pusat dalam mana-mana Kongres Kebangsaan Parti.
10. Seseorang ahli yang menyertai Parti untuk tempoh kurang daripada dua (2) tahun, kecuali dengan kelulusan Jawatankuasa Tertinggi Pusat, tidak berkelayakan:
 - (a) Untuk dilantik sebagai calon pemilihan Jawatankuasa Tertinggi Pusat dan/ atau Jawatankuasa Negeri Parti;
 - (b) Untuk dilantik sebagai calon bagi jawatan ahli majlis dalam mana-mana pihak berkuasa tempatan; dan
 - (c) Untuk menjadi calon Parti bagi mana-mana pemilihan sebagai ahli majlis tempatan, atau Ahli Dewan Undangan Negeri dalam mana-mana Negeri dan/atau Ahli Parlimen dalam mana-mana kawasan Parlimen.
11. Semua perkataan di dalam Perlembagaan ini yang merangkap atau menuju kepada jantina lelaki hendaklah ditafsirkan sebagai merangkumi juga jantina wanita, melainkan disebut selainnya.

JADUAL PERTAMA: PERATURAN-PERATURAN TETAP KONGRES/ PERSIDANGAN

Waktu Mesuarat

1. Para Wakil dan Pemerhati hendaklah berkumpul pada jam 9.00 pagi atau sesuatu masa yang ditetapkan, pada hari Kongres/Persidangan.
2. Kongres/Persidangan hendaklah ditangguhkan untuk berehat pada jam 1.00 tengah hari dan bersambung pada jam 2.00 petang atau pada sesuatu masa yang ditetapkan, pada hari Kongres/Persidangan.
3. Yang Di Pertua hendaklah menentukan waktu menangguhkan Kongres/Persidangan.

Batasan Ucapan-ucapan

4. Seseorang Wakil dibenarkan berucap selama 10 minit atas Laporan Jawatankuasa Tertinggi Pusat, Penyataan Kira-kira Kewangan Jawatankuasa tersebut, Ketetapan-ketetapan yang dikemukakan oleh Jawatankuasa, Pindaan-pindaan kepada Perlumbagaan Parti dan atas mana-mana Perisyiharan Parti atau perkara tertentu dalam kes Kongres Khas.
5. Seseorang Wakil tidak dibenarkan berucap lebih daripada satu kali atas mana-mana satu perkara yang dikemukakan kepada Kongres/Persidangan.
6. Hanya usul-usul/ketetapan-ketetapan yang telah dikemukakan kepada Setiausaha Agung dan disyorkan kepada Jawatankuasa Ketetapan atau Jawatankuasa Tertinggi Pusat sahaja akan dibahaskan oleh para Wakil.
7. Usul-usul/ketetapan-ketetapan tergempar boleh dibawa oleh seseorang Wakil selepas urusan berkaitan dengan Kongres/Persidangan itu diselesaikan dengan syarat 6 bahawa usul/ketetapan itu dikemukakan secara bertulis kepada Yang Di Pertua dan kebenaran Yang Di Pertua diperolehi terlebih dahulu. Keputusan Yang Di Pertua atas perkara itu adalah muktamad.
8. Pembawa usul/ketetapan, termasuk usul/ketetapan tergempar dibenarkan berucap selama 5 minit dan penyokong serta mereka yang berucap berikutnya diberi masa berucap selama 3 minit setiap orang.
9. Seseorang Wakil tidak dibenarkan berucap lebih daripada satu kali atas sesuatu usul/ketetapan/usul/tergempar/ ketetapan tergempar, melainkan pembawa usul asal yang berhak menjawab selama 5 minit.

Parti Tindakan Demokratik

10. Batasan ucapan-ucapan tidak dikenakan kepada Pegawai-pegawai Utama Parti apabila Yang Di Pertua berpendapat bahawa mereka dikehendaki menerangkan atau menjelaskan sesuatu perkara.
11. Walau apa pun peruntukan Perintah-perintah Tetap 4, 8, 9, Yang Di Pertua diberi kuasa untuk mengubah masa yang ditetapkan apabila difikirkan perlu.
12. Pemerhati-pemerhati hanya boleh berucap dengan kebenaran Yang Di Pertua apabila tidak ada lagi Wakil yang ingin berucap. Keputusan Yang Di Pertua atas perkara ini adalah muktamad.

Pindaan-pindaan kepada Usul-usul/Ketetapan ketetapan

13. Sesuatu pindaan kepada usul/ketetapan hanya boleh dibentangkan selepas usul atau ketetapan asal mendapat sokongan. Hanya seseorang Wakil yang boleh mencadangkan apa-apa pindaan kepada sesuatu usul atau ketetapan dan boleh berucap mengenai pindaan itu selama tidak lebih daripada 5 minit.
14. Selepas sahaja pindaan itu dicadangkan, pencadang pindaan itu hendaklah menyerahkan cadangan pindaan dalam bentuk bertulis kepada Yang Di Pertua Kongres/ Persidang. Yang Di Pertua hendaklah meminta siapa-siapa Wakil supaya menyokong pindaan itu dan jika pindaan itu disokong, ia akan dibuka untuk perbincangan. Setiap orang yang berucap, termasuk Penyokongnya, hanya boleh berucap selama tidak lebih daripada 3 minit.
15. Seseorang Wakil tidak dibenarkan membentangkan lebih daripada satu kali pindaan ke atas sesuatu usul atau ketetapan.
16. Jika terdapat lebih daripada satu pindaan, pindaan yang pertama harus diputuskan terdahulu sebelum pindaan berikutnya ditimbangkan.
17. Sekiranya dalam proses pertimbangan, sesuatu pindaan itu diterima oleh Kongres/Persidangan, perbincangan lanjut atas pindaan-pindaan berikutnya tidak akan diadakan melainkan pindaan-pindaan itu adalah berlainan daripada pindaan yang diterima dan tidak akan mengakibatkan perubahan material kepada pindaan yang telah diterima terdahulu itu.
18. Apabila satu atau lebih daripada satu pindaan telah diterima, perbincangan atas usul atau ketetapan secara keseluruhannya sepertimana yang telah dipinda akan disambung semula dan pengundian diadakan, dan jika semua pindaan itu ditolak, perbincangan atas usul atau ketetapan asal akan disambung semula dan pengundian diadakan.
19. Sesuatu usul/ketetapan atau sesuatu pindaan boleh ditarik balik atas permintaan pembawa usul pada bila-bila masa sebelum perkara itu dikemukakan sepenuhnya kepada Kongres/Persidangan untuk perbincangan.

20. Jika perkara mengenai pindaan kepada usul/ketetapan atau kepada sesuatu pindaan lain telah dikemukakan untuk perbincangan, usul/ketetapan atau pindaan asal tidak boleh ditarik balik sehingga pindaan berkenaan telah diputuskan.

Amalan Para Pengucap

21. Seseorang Wakil yang ingin berucap hendaklah mengangkat tangan jika dipanggil oleh Yang Di Pertua, beliau boleh berucap. Jika dua atau lebih daripada dua orang Wakil mengangkat tangan mereka pada masa yang sama, Yang Di Pertua hendaklah memanggil Wakil pertama yang berjaya menarik perhatian beliau.
22. Seseorang Wakil yang telah berucap boleh berucap sekali lagi apabila suatu perkara baru dikemukakan oleh Yang Di Pertua untuk perbincangan, umpamanya sesuatu cadangan pindaan.
23. Seseorang Wakil yang telah berucap mengenai sesuatu perkara boleh berucap lagi untuk memberi penjelasan mengenai bahagian material ucapannya yang telah disalah faham, tetapi beliau tidak dibenarkan mengemukakan sesuatu perkara baru.
24. Seseorang Wakil hendaklah menghadkan ucapannya kepada perkara yang dibincangkan sahaja dan tidak boleh memperkenalkan apa-apa perkara yang tidak berkenaan.
25. Adalah melanggar peraturan untuk mencuba menimbang semula mana-mana persoalan yang telah diputuskan oleh Kongres/Persidangan dalam sesi semasa.
26. Adalah melanggar peraturan bagi seseorang Wakil menggunakan bahasa kesat, menghina atau biadab ke atas mana-mana ahli Parti atau sesuatu badan yang ditubuhkan secara sah di bawah Perlembagaan Parti.
27. Seseorang Wakil/Pemerhati tidak boleh membuat sangkaan jahat terhadap Wakil/Pemerhati atau ahli-ahli lain.
28. Jika pada pendapat Yang Di Pertua bahawa apa-apa usul atau pindaan atau perlanjutan perbahasan ke atas perkara-perkara berkenaan yang bertujuan melanggar Peraturan-peraturan Tetap ini, maka Yang Di Pertua berkuasa untuk menolak usul atau pindaan itu ikutmananya yang dikehendaki, atau memperhentikan perbahasan itu dan mengarahkan supaya usul atau pindaan itu tidak dibahaskan lagi.
29. Seseorang Wakil tidak boleh mengganggu Wakil yang lain melainkan:
- Jika hendak membangkitkan sesuatu isu berkenaan perkara Amalan Mesyuarat, ketika itu Wakil yang sedang berucap hendaklah duduk dan Wakil yang mengganggu itu hendaklah menarik perhatian kepada perkara yang hendak dibangkitkannya dan menyerahkan perkara berkenaan kepada Yang Di Pertua untuk diputuskan, atau

Parti Tindakan Demokratik

- (b) Jika hendak meminta perjelasan, dengan syarat Wakil yang sedang berucap itu sanggup memberi jalan dan duduk dan Wakil yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh Yang Di Pertua.
- 30. Bila-bila masa para Wakil ditegur oleh Yang Di Pertua berkenaan dengan peraturan mesyuarat, atau semasa perbahasan dijalankan, Wakil yang sedang berucap, atau berhasrat berucap, hendaklah duduk dan Kongres/ Persidangan hendaklah senyap supaya Yang Di Pertua boleh berucap tanpa diganggu.
- 31. Semasa Kongres/Persidangan bersidang:
 - (a) Semua Wakil/Pemerhati hendaklah masuk atau keluar dari Dewan Mesyuarat serta membawa diri dengan tertib dan beradab;
 - (b) Seseorang Wakil/Pemerhati tidak boleh melintas ruang Dewan Mesyuarat secara sembarang;
 - (c) Para Wakil dan Pemerhati tidak boleh membaca suratkhabar-suratkhabar, buku-buku, surat-surat atau lain-lain dokumen melainkan yang ada berkaitan secara langsung dengan urusan yang dibahaskan;
 - (d) Seseorang Wakil atau Pemerhati tidak boleh merokok dalam Dewan Mesyuarat;
 - (e) Semasa seseorang Wakil berucap, semua Wakil dan Pemerhati yang lain hendaklah senyap dan tidak boleh mengganggu secara sembarang;
 - (f) Rakaman prosiding Kongres/Persidangan oleh mana-mana Wakil atau Pemerhati adalah dilarang kecuali kebenaran telah diperolehi terlebih dahulu daripada Yang Di Pertua.
- 32. Seseorang Wakil/Pemerhati yang mengambil bahagian dalam perbincangan di dalam Kongres/Persidangan tidak boleh membuat apa-apa tuduhan terhadap mana-mana ahli atau badan yang ditubuhkan di bawah Perlembagaan Parti tanpa disokong dangan fakta-fakta yang boleh diterima oleh Yang Di Pertua.
- 33. Yang Di Pertua adalah bertanggungjawab untuk memastikan peraturan-peraturan Dewan Kongres/ Persidangan dipatuhi, dan keputusannya berkenaan apaapa perkara tertib mesyuarat tidak boleh dipertikaikan dan tidak boleh dikaji semula oleh Kongres/Persidangan kecuali menerusi usul yang dibawa untuk tujuan itu. Usul sedemikian hendaklah dikemukakan secara bertulis.

Keputusan Yang Di Pertua

- 34. Yang Di Pertua, setelah menarik perhatian Kongres/ Persidangan kepada tingkahlaku seseorang Wakil yang degil membangkitkan perkara yang tidak kena-mengena dengan perkara mesyuarat atau berkali-kali mengulangi hujahnya sendiri atau hujah-hujah Wakil lain dalam sesuatu perbahasan, boleh mengarahkan Wakil berkenaan supaya berhenti mengucap.

35. Jika pada pendapat Yang Di Pertua tiada perbezaan yang material di dalam pandangan mengenai manamana perkara di kalangan Wakil, atau pendapat yang dikemukakan itu berulang-ulang, beliau berkuasa mengarahkan supaya perbahasan dihentikan dan perkara itu diputuskan menerusi pengundian.
36. Jika seseorang Wakil/Pemerhati berkelakuan tidak senonoh dalam mana-mana sesi Kongres/Persidangan, atau enggan mematuhi arahan Yang Di Pertua supaya mematuhi peraturan mesyuarat, beliau boleh diarahkan keluar dari Dewan Mesyuarat dengan sertamahtera sehingga selesai sesi berkenaan dan tidak akan dibenarkan masuk Dewan tanpa persetujuan majoriti biasa perwakilan. Untuk maksud menentukan supaya arahan di atas dipatuhi, Yang Di Pertua berkuasa, jika perlu, mengambil langkah-langkah munasabah untuk menyingkirkan seseorang ahli itu dari Dewan Mesyuarat.
37. Seseorang Wakil atau Pemerhati tidak boleh keluar dari Dewan Mesyuarat Kongres/Persidangan tanpa mendapat kebenaran daripada Yang Di Pertua terlebih dahulu.
38. Sekiranya berlaku kekacauan yang serius dalam Dewan Mesyuarat Kongres/Persidangan, Yang Di Pertua boleh menangguhkan Kongres/Persidangan jika pada pendapatnya harus ditangguhkan, tanpa memutuskan sebarang masalah atau menggantungkan mesyuarat untuk satu tempoh masa yang ditetapkannya.
39. Mana-mana peruntukan di dalam peraturan ini boleh dianggap sebagai melucutkan kuasa Kongres/Persidangan untuk mengambil sebarang tindakan ke atas mana-mana Wakil atau Pemerhati dengan syarat ia dilakukan dalam bentuk ketetapan Kongres/Persidangan.

Pengundian

40. Sebarang perkara yang terbuka untuk diputuskan menerusi pengundian dalam Kongres/Persidangan hendaklah diputuskan secara mengangkat tangan dan jika berlakunya undi seri, perkara berkenaan akan diisyiharkan sebagai ditolak. Melainkan timbulnya permintaan supaya pengundian sulit diadakan, maka pengumuman Yang Di Pertua bahawa sesuatu perkara itu diisyiharkan sebagai diterima atau ditolak berdasarkan cara angkat tangan, adalah keputusan muktamad.
41. Seseorang Wakil boleh meminta supaya pengundian sulit diadakan dan Yang Di Pertua hendaklah mengemukakan perkara itu untuk diputuskan dengan syarat bahawa permintaan itu mendapat sokongan.
42. Sesuatu permintaan mengenai pengundian sulit boleh 2 ditarik balik sebelum ia dikemukakan untuk diputuskan.
43. Setiap orang Wakil dalam Kongres Kebangsaan Part berhak menerima satu senarai nama semua calon yang bertanding dalam pilihanraya ke Jawatankuasa

Parti Tindakan Demokratik

Tertinggi Pusat.

44. Setiap Wakil yang hadir dalam Dewan Mesyuarat semasa pilihanraya ke Jawatankuasa Tertinggi Pusat diadakan hendaklah diberikan sekeping kertas undi dan setiap Wakil hendaklah memilih 30 orang calon untuk dipilih ke Jawatankuasa Tertinggi Pusat.
45. Kertas undi mana-mana Wakil yang memilih kurang atau lebih daripada 30 orang calon akan diisyiharkan sebagai ditolak.
46. Dalam kes Kongres Khas Parti yang diadakan untuk tujuan memilih satu Jawatankuasa Tertinggi Pusat baru, Peraturan 43, 44 dan 45 hendaklah dikuatkuasakan mutatis mutandis.
47. Mengundi secara proksi tidak dibenarkan.
48. Pemerhati-pemerhati tidak ada hak mengundi atas apaapa perkara.
49. Pada permulaan setiap sesi Kongres/Persidangan, Yang Di Pertua hendaklah melantik Pengira-pengira Undi.

Penggantungan Peraturan-peraturan Tetap

50. Peraturan-peraturan Tetap Kongres/Persidangan boleh digantung samada pada keseluruhan atau mana-mana bahagiannya jika penggantungan itu dipersetujui secara pengundian majoriti biasa Wakilwakil yang menghadiri Kongres/Persidangan.

Am

51. Timbalan Yang Di Pertua yang menjalankan tugas bagi pihak Yang Di Pertua hendaklah diberikan semua kuasakuasa Yang Di Pertua.
52. Yang Di Pertua dan Timbalannya hendaklah dipanggil sebagai “Saudara/Saudari Yang Di Pertua”.
53. Perkataan “Wakil” hendaklah termasuk “Pemerhati” di mana yang berkaitan.
54. Peraturan-peraturan Tetap ini hendaklah sama dipakai di Kongres Khas Parti dengan perlarasan-perlarasan yang sewajarnya.

(Perlembagaan ini mengandungi pindaan-pindaan yang diterimapakai oleh Persidangan Parti pada 5 Mei 2019 dan diluluskan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan pada 22 Oktober 2019.)